

Bab 1:
Sejarah dan
Perkembangan Agama
Kristian Kini

A. PENDAHULUAN

Kajian di dalam bab ini akan membincangkan secara khusus latar belakang agama Kristian kini. Di samping itu dibicarakan juga tentang St. Paul (66M?) yang diletakkan oleh sarjana Barat dan Islam sebagai pengasas kedua agama Kristian yang membawa perubahan terbesar dalam ajaran asal Jesus. Justeru, doktrin-doktrin yang diperkenalkan oleh St. Paul dan sumber-sumber utama agama Kristian kini turut dipaparkan. Perkara-perkara di atas adalah penting untuk dibincangkan di dalam bab 1 kerana ia merupakan gambaran awal tentang sejarah dan perkembangan agama Kristian yang penuh dengan pergolakan dari mula ianya disebarluaskan sehingga perkembangannya di seluruh dunia. Selain daripada itu, ianya juga memberikan gambaran awal tentang perubahan-perubahan yang berlaku di dalam agama Kristian dan mengapa ia berlaku. Apabila perkara asas ini telah diketahui, adalah mudah untuk meneruskan perbincangan berkaitan dengan doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian kini yang akan diperbincangkan secara tuntas di dalam bab 2, bab 3 dan bab 4. Sebelum penulis membincarakan dengan lebih panjang lebar, penulis akan bahaskan sejarah perkembangan agama Kristian sebagai gambaran awal untuk menjelaskan agama Kristian yang asli dan yang telah diperbaharui kerana ianya penting dan mempunyai kaitan yang amat jelas dengan kemunculan doktrin dosa warisan.

1. Agama Kristian

Secara umumnya ramai di kalangan masyarakat Islam dewasa ini mengetahui bahawa agama Kristian telah dibawa dan disebarluaskan oleh Jesus

Christ. Ajaran yang dibawa oleh Jesus Christ merupakan lanjutan daripada syariat-syariat yang telah di bawa oleh Moses kepada bangsa Yahudi. Hal ini begitu jelas seperti yang diperkatakan oleh Jesus Christ kepada pengikutnya seperti yang dicatatkan di dalam *Matthew 5:17*:

"Do not think I have come to abolish the Law or the Prophets; I did not come to abolish them but to fulfill them."

Berdasarkan keterangan di atas dapatlah difahami juga bahawa agama Kristian hanya dikhususkan kepada bangsa Yahudi. Manakala Jesus Christ bukanlah seorang yang membawa suatu syariat yang baru kepada bangsa Yahudi. Apa yang cuba dilakukan oleh Jesus Christ ialah untuk melengkapkan hukum dan ajaran Taurat serta memperbetulkan segala bentuk penyelewengan yang dilakukan oleh para pendita Yahudi terhadap ajaran-ajaran yang dibawa oleh Moses.

Penyebaran dakwah yang dilakukan oleh Jesus Christ telah berjaya menarik ramai golongan bawahan yang miskin tetapi mendapat tentangan yang hebat dari golongan pertengahan dan atasan terutamanya golongan *Pharisess* dan *Sadducess*¹. Oleh kerana golongan yang menentang mempunyai

¹ *Pharisess* dan *Sadducess* merupakan dua pertubuhan yang dipandang mulia di dalam agama Kristian. *Sadduces* merupakan golongan aristokrat yang berpengaruh di dalam bangsa Yahudi dan mempunyai kedudukan yang baik di dalam Empayar Rom. *Sadducess* juga tidak mempercayai akan adanya hari akhirat dan balasan syurga dan neraka. Mereka merasa takut Jesus Christ akan mendatangkan ancaman terhadap kuasa dan kedudukan mereka. Manakala golongan *Pharisess* pula merupakan golongan yang kuat berpegang kepada tradisi dan menolak kemasukan budaya dan pemikiran Greek ke dalam bangsa Yahudi yang dikenali juga sebagai budaya Hellenistik. *Pharisess* merupakan golongan yang menentang dan menolak kerasulan Jesus Christ. Caroline Large (1981), *The Three Great Semitic Religions*. (T.T): Times Books International, hal. 20

kuasa dan pengaruh, maka golongan bawahan yang menjadi pengikut Jesus Christ telah disiksa dan ditindas dengan teruknya.

Kesan daripada pertentangan ini telah membawa kepada pengangkatan Jesus Christ ke langit oleh Allah s.w.t ketika baginda a.s hendak disalib sebagaimana keyakinan penganut agama Islam. Firman Allah s.w.t di dalam al-Qur'an (*al-Nisaā' 4:157*):

وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَكِنْ شَيْءَهُمْ

ERTINYA: "Bukanlah mereka membunuh Isa al-Masih, tidak pula menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh dan mereka salib itu) ialah seorang yang diserupakan Allah pada pandangan mereka dengan al-Masih"

Walau bagaimanapun di dalam agama Kristian, Jesus Christ dikatakan telah mati disalib dan pensalibannya merupakan suatu penebusan dosa warisan untuk sekalian umat manusia. Namun begitu, melalui pengkajian-pengkajian sejarah telah membuktikan bahawa peristiwa yang membawa kepada pensaliban Jesus Christ ini merupakan suatu konspirasi pihak tertinggi yang dilakukan secara amat terancang oleh para pendita agama Yahudi untuk menyekat perkembangan dakwah Jesus Christ.

Apabila dakwah Jesus Christ semakin mendapat perhatian di kalangan masyarakat umum, ramai di kalangan para pendita Yahudi tidak menyukai situasi sedemikian. Oleh itu ramai di kalangan pengikut Jesus Christ telah ditindas, ditangkap dan disiksa. Situasi yang berlaku telah menyebabkan salah

seorang daripada murid² Jesus Christ menjadi belot. Di dalam Bible dan buku-buku yang ditulis oleh penulis Kristian dan Islam dengan jelas menyebutkan pembelot yang dimaksudkan ialah Judas Iscariot. Beliau dikatakan telah bertemu dengan para pendita Yahudi dan meminta upah sebanyak 30 keping syiling perak sebagai balasan kerana menunjukkan tempat persembunyian Jesus Christ dan pengikutnya³. Peristiwa tersebut dirakamkan di dalam *Matthew 26:14-16*:

"Then one of the Twelve—the one called Judas Iscariot—went to the chief priests and asked, "What are you willing to give me if I hand him over to you?" So they counted out for him thirty silver coins. From then on Judas watched for an opportunity to hand him over."

Setelah perbincangan selesai, pendita-pendita ini menemui Gabenor Pontious Pilate (26M-36M) dan raja Herode Antipas (20SM-39M) untuk meminta bantuan tentera bagi menangkap Jesus Christ⁴. Judas diminta supaya mengecam wajah Jesus Christ, kerana para tentera tidak mengenalinya. Dengan bantuan Judas, Jesus Christ berjaya ditangkap dan dibawa kepada para pendita untuk diadili. Jesus Christ didapati bersalah atas tuduhan mencaci Tuhan, tetapi tidak dapat dihukum menurut undang-undang agama Yahudi kerana Palestine pada ketika itu berada di bawah penguasaan Empayar Rom.

² Murid Jesus Christ yang dikatakan belot ini ialah Judas Iscariot. Beliau merupakan salah seorang daripada 12 orang murid Jesus Christ yang utama ataupun dikenali sebagai *apostle*. J.D. Douglas (1965), *The New Bible Dictionary*. London: The Inter-Varsity Fellowship, hal. 673.

³ Agus Hakim (1990), *Perbandingan Agama: Pandangan Islam Mengenai Kepercayaan Majusi-Shabiah-Yahudi-Kristen-Hindu-Buddha & Sikh*. Bandung: Penerbit CV Diponegoro, cet. ke-4, hal. 117 dan O.K Rahmat S.H (1976) *Dari Adam Sampai Muhammad: Sebuah Kajian Mengenai Agama-agama*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., hal. 388.

⁴ *Ibid*

Namun demikian, pihak Rom tidak suka untuk mencampuri hal ehwal dalaman agama Yahudi. Oleh itu para pendita telah menfitnah Jesus Christ dengan mengatakan dia adalah penderhaka, melakukan pemberontakan dan mengelak untuk membayar cukai⁵. Akibat daripada fitnah dan desakan para pendita, Gabenor Pontius Pilate telah menjatuhkan hukuman mati di tiang salib ke atas Jesus Christ. Pensaliban Jesus Christ ini telah membuka dimensi baru kepada St. Paul untuk meletakkan dirinya sebagai pengasas kedua agama Kristian.

B. SEJARAH DAN PERKEMBANGAN AGAMA KRISTIAN KINI

1. Kristian Semasa St. Paul hingga Sebelum Era Kaisar Constantine

Sejarah permulaan agama Kristian moden hanya bermula selepas daripada pensaliban Jesus Christ⁶ dan selepas pemelukan St. Paul ke dalam agama Kristian. Selepas kematian Jesus Christ di tiang salib, ramai di kalangan murid Jesus Christ menyembunyikan diri kerana takutkan buruan pendita Yahudi. Namun begitu mereka masih tetap menyambung dakwah Jesus Christ. Penindasan dan pemburuan terhadap penganut agama Kristian semakin hebat dijalankan. Ini telah membuatkan ramai di kalangan mereka melarikan diri keluar dari tanah Palestine ke negeri-negeri yang berhampiran seperti Damsyk, Mesir dan Semenanjung Arab. Pada ketika itu penganut agama Kristian masih dikenali sebagai golongan Nasrani ataupun pengikut

⁵ Caroline Large (1981), *The Three Great Semitic Religions*, hal. 20

⁶ Sebagaimana yang telah diterangkan di halaman 3, bahawa di dalam Islam, Jesus Christ tidak mati di tiang salib tetapi diangkat oleh Allah s.w.t ke langit. Selepas daripada ini apabila sesuatu kenyataan yang berhubung dengan Jesus Christ, kematiannya di tiang salib dan anak Tuhan adalah merujuk kepada agama Kristian.

orang Nazareth. Mereka mula dipanggil sebagai Kristian atau *Christian* semasa pemerintahan Kaisar Nero (68M). Golongan Nasrani digelar Kristian kerana mereka merupakan pengikut Jesus Christ dan mempercayai bahawa Jesus Christ adalah *Messiah* ataupun *Christ* yang bererti *the anointed one*⁷.

Orang yang paling hebat melakukan penindasan dan pemburuan terhadap penganut agama Kristian ketika itu ialah St. Paul⁸ yang merupakan salah seorang penganut agama Yahudi yang paling alim dan taat. Beliau sanggup memburu saki baki penganut agama Kristian yang mlarikan diri keluar dari Palestine. Kegiatan beliau ini mendapat sokongan daripada para pendita dan telah diberi surat kebenaran untuk melakukannya.

Semasa perjalanananya ke Damsyik untuk memburu para penganut Kristian yang mlarikan diri ke sana, beliau telah mengalami suatu peristiwa yang telah membawa kemasukannya ke dalam agama Kristian. Peristiwa tersebut juga menyebabkan agama Kristian memasuki suatu dimensi baru yang berlainan sama sekali dengan bentuk agama Kristian yang diajarkan oleh Jesus Christ.

Kemasukan St. Paul ke dalam agama Kristian telah membuatkan penganut agama ini terbahagi kepada dua kumpulan iaitu *the Early Christians*

⁷ Ahmad Thomson (1989), *Blood on the Cross*. London, England: TaHa Publishing Ltd., hal. 16 dan Walter Farquhar Hook (1852), *A Church Dictionary*. London: John Murray, Albermarl Street, hal. 406.

⁸ Perbahasan lanjut mengenai St. Paul *infra* bab ini hal. 60-85.

ataupun para pengikut awal Kristian⁹ dan *Gentiles Christians*. Kedua-dua kumpulan ini akhirnya mempunyai pengaruh masing-masing dan mempunyai akidah yang sangat berbeza di antara satu sama lain. Ianya berterusan hingga ke abad dua puluh dan didokong oleh para pengikut masing-masing. Rentetan daripada peristiwa tersebut telah mempengaruhi sejarah perkembangan agama Kristian dan telah menyebabkan berlakunya perpecahan di kalangan pengikutnya. Ini telah membawa kepada wujudnya pelbagai mazhab di dalam agama Kristian seperti Orthodoks, Roman Khatolik ataupun Katholik dan Protestant.

Peringkat awal perkembangan agama Kristian banyak berlaku di zaman Kerajaan Rom dan ianya sedikit sebanyak telah mempengaruhi perkembangan agama Kristian kini. Semasa di peringkat tersebut, para pengikut Jesus Christ masih mempunyai pengaruh dan kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat. Mereka dikenali di kalangan pengikut agama Kristian sebagai “*the Early Christians*”. Oleh itu segala dakwah dan dakyah St. Paul kurang mendapat sambutan di kalangan masyarakat Yahudi Kristian di samping mereka meragui akan keikhlasan St. Paul menjadi seorang Kristian. Ini kerana St. Paul semasa sebelum Kristiannya memang terkenal sebagai seorang musuh yang paling ketat terhadap pengikut Kristian. Hanya Barnaba

⁹ Selepas daripada ini penggunaan Yahudi Kristian adalah merujuk kepada pengikut awal Kristian kerana pada peringkat awal pertumbuhan pengikut Kristian adalah orang Yahudi dan juga untuk membezakan antara Yahudi yang beriman dengan Taurat dengan Yahudi yang beragama Kristian. Yahudi Kristian merupakan golongan yang mengimani kitab Taurat berdasarkan ajaran-ajaran yang disampaikan oleh Jesus Christ. Ahmad Thomson (1989), *Blood on the Cross*, hal. 13.

sahaja yang merupakan salah seorang daripada pengikut Jesus Christ telah menerima St. Paul dan cuba untuk meyakinkan para *apostle* Jesus Christ dan orang awam tentang keikhlasan St. Paul menyebarkan agama Kristian di kalangan bangsa Yahudi dan bangsa asing. Beliau telah turut serta St. Paul dan beberapa orang lagi menyebarkan agama Kristian ini, tetapi akhirnya memisahkan diri daripada St. Paul setelah beliau mengetahui bahawa St. Paul tidak menyebarkan apa yang sebenarnya tentang Jesus Christ dan ajaran-ajarannya¹⁰.

Kekuatan pengaruh para Yahudi Kristian ini berkekalan sehingga lalang berlakunya pemberontakan besar-besaran bangsa Yahudi terhadap Kerajaan Rom yang memerintah Palestine. Peristiwa tersebut berlaku dari tahun 66M hingga 70M¹¹. Akibat daripada itu ramai di kalangan orang Yahudi dibunuh secara beramai-ramai, termasuklah para Yahudi Kristian. Namun demikian terdapat juga yang berjaya menyelamatkan diri ke Pella sebuah pekan kecil yang terletak di Jordan¹². Bagi murid-murid Jesus Christ yang berada di kota Antioch pada ketika itu juga terselamat daripada mengalami peristiwa pembunuhan beramai-ramai ini atau *massacre*.

¹⁰ Sebab-sebab berlakunya pertikaian ini diceritakan di dalam *The New Testament (Acts 15:36-41)*. Di antara pertikaian yang dinyatakan di dalam *Acts*, tersebut ialah Barnaba ingin membawa bersamanya John Mark di dalam pengembaraannya bersama St. Paul tetapi ditentang oleh St. Paul

¹¹ S.G.F Brandon (1969), *Religion in Ancient History*. T.T: George Allen & Unwin Ltd., hal. 269. Lihat juga O.K Rahmat S.H (1976), *Dari Adam Sampai Muhammad*, hal. 340.

¹² Ahmad Thomson (1989), *Blood on the Cross*, hal. 13.

Selepas berlakunya pemberontakan, pusat perkembangan dakwah agama Kristian telah berpindah ke kota Antioch dan dengan itu juga pengaruh para Yahudi Kristian menjadi agak lemah. Bagi pihak St. Paul pula ianya suatu kemenangan dan para pengikutnya cuba mengembangkan ajaran St. Paul sehingga ke Itali, pesisir utara Afrika, Semenanjung Iberia, wilayah Gaul dan kepulauan Britain¹³. Namun demikian golongan *early Christians* yang terselamat di kota Antioch juga tidak ketinggalan di dalam menyebarkan ajaran Jesus Christ. Oleh itu sehingga menjelang Persidangan Nicea pada tahun 325M¹⁴ terdapat dua aliran mazhab yang begitu berbeza akidahnya muncul di dalam dunia Kristian.

Oleh kerana perbezaan ini, wujudlah dua mazhab yang terawal yang dikenali sebagai Arianisme dan Athanasianisme. Arianisme merupakan aliran yang dipimpin oleh Patriarch Arius (250M-336M) yang merupakan Bishop di ibukota Constantinople. Beliau merupakan murid kepada Paul of Samosata¹⁵ di kota Antioch. Antara ajaran utama aliran ini ialah meyakini bahawa Allah itu Maha Esa, tidak dilahirkan atau *agennetos* dan Dia menciptakan segalanya daripada tiada kepada ada. Jesus Christ itu hanyalah makhluk yang diciptakan atau *genetos* dan menjadi pesuruh Allah. Oleh itu ibunya Mary tidak layak untuk dipanggil *mother of God* atau ibu Tuhan kerana dia hanya melahirkan

¹³ Joesoef Souyb (1983), *Agama-agama Besar di Dunia*. Jakarta: Pustaka Alhusna, hal. 339.

¹⁴ Agus Hakim (1990), *Perbandingan Agama*, hal 119. Lihat juga O.K Rahmat S.H (1976) *Dari Adam Sampai Muhammad*, hal. 22 dan Henry Mart Milman, *History of Latin Christianity*. London: John Murray, Albermarle Street, jilid 1, hal. 18 serta B.J. Kidd (1922), *A History of the Church to A.D 461*. Oxford: At The Clarendon Press, jilid 11, hal. 22.

¹⁵ Penulis tidak menemui tarikh hidup atau mati tokoh terbabit.

manusia biasa¹⁶. Justeru, Arius menegaskan bahawa Jesus Christ hanyalah manusia biasa yang diciptakan daripada tiada kepada ada, manakala Tuhan adalah bersifat kekal dan tidak diperanakkan ataupun *unoriginated*¹⁷. Arius juga mempersoalkan bahawa bagaimana Jesus Christ menjadi tuhan sedangkan di dalam masa yang sama beliau juga adalah Tuhan Bapa yang membuatkan persoalan tersebut tidak dapat ditangkis oleh Athanasius¹⁸.

Aliran Athanasianisme pula merupakan aliran yang dipimpin oleh Bishop Athanasius (336M) di bandar Iskandariah, Mesir. Pokok utama ajaran aliran ini ialah meyakini bahawa Allah itu Maha Esa tetapi terdiri daripada tiga oknum iaitu Tuhan Bapa, Jesus Christ atau *son of God* dan Rohul Kudus atau *The Holy Spirit*. Jesus Christ dan Rohul Kudus mempunyai zat yang sama atau *homousios* dengan Tuhan Bapa. Ajaran-ajaran aliran ini merupakan ajaran-ajaran St. Paul.

2. Kristian Semasa dan Selepas Era Kaisar Constantine

Semasa berlakunya perkembangan pertentangan antara aliran Arianisme dan Athanasianisme, semua Kaisar Rom masih lagi menganut

¹⁶ Jouesoef Souyb (1983), *Agama-agama Besar di Dunia*, hal. 341. Lihat juga B.J. Kidd (1922), *A History of the Church to A.D 461*, hal. 37-40 dan Khadijah Mohd. Khambali (1993), *Konsep Triniti Menurut Agama Kristian dan Pandangan Islam Terhadapnya (disertasi M.A)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hal. 81 & 283.

¹⁷ Paul Tillich (1968), *A History of Christian Thought From Its Judaic and Hellenistic Origins to Existentialism*. New York: A Touchstone Book, hal. 70.

¹⁸ Karen Armstrong (1993), *A History of God. From Abraham to the Present: The 4000 -Year Quest for God*. London: Heinemann, hal. 126.

agama kuno yang dikenali sebagai Paganisma¹⁹. Keadaan mula berubah semasa pemerintahan Kaisar Constantine (311M-337M). Perubahan ini berlaku apabila Kaisar Constantine mula mengisyiharkan agama Kristian menjadi agama rasmi negara dan wilayah jajahannya pada tahun 313M²⁰ serta memindahkan ibukota Empayar Rom dari kota Rom (Eropah) ke Byzantine yang dinamakannya dengan kota Constantinople yang terletak di Asia Kecil pada tahun 324M.

Perisyiharan agama Kristian sebagai agama rasmi negara oleh Constantine telah membuatkan agama ini berjaya keluar dari zaman kegelapan dan penindasannya. Hal ini telah memberi sedikit cahaya dan sinar harapan kepada para pengikut Kristian tentang masa depan mereka. Ini kerana sebelum daripada itu, mereka sering menjadi buruan dan menderita akibat penindasan yang dilakukan oleh para Kaisar yang terdahulu. Antara Kaisar yang terkenal di dalam sejarah melakukan penindasan besar-besaran terhadap pengikut Kristian ialah Nero (68M) pada tahun 64M, Turajan²¹ pada tahun 106M, Dessius²² pada tahun 249M hingga 251M dan Deklianus²³ pada tahun 284M²⁴.

¹⁹Paganisma merupakan agama kuno yang dianuti oleh para Kaisar Rom. Mereka menganggap diri mereka merupakan titisan darah dewa dan mereka hendaklah dimuliakan oleh rakyat. Keterangan lanjut mengenai Paganisma akan diterangkan kemudian, *infra* bab 2, di bawah tajuk **Agama Pagan** hal., 124-160.

²⁰Caroline Large (1981), *The Three Great Semitic Religions*, hal 21.

²¹Penulis tidak menemui tarikh hidup atau mati nama terbabit

²²Penulis tidak menemui tarikh hidup atau mati nama terbabit

²³Penulis tidak menemui tarikh hidup atau mati nama terbabit

²⁴Rouf Shalaby (Dr.) (1972), *Sorotan kepada Agama Masehi*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, hal. 14.

a. Persidangan Nicea (325M)

Walaupun telah diisyiharkan sebagai agama negara, Kaisar Constantine masih dibebankan dengan dua jenis keyakinan yang sangat berbeza yang dibawa oleh dua aliran tadi. Untuk mencari penyelesaian tersebut, baginda menganjurkan suatu persidangan gereja seluruh dunia (dari kepulauan Britain hingga ke Asia Kecil) yang dikenali sebagai Persidangan Nicea²⁵ pada tahun 325M²⁶.

Kedua-dua wakil daripada kedua-dua aliran telah dijemput dan mereka telah berdebat mempertahankan pegangan masing-masing dengan hujah-hujah dan alasan yang kukuh. Oleh yang demikian tiada suatu pun kata putus yang dapat diambil, lalu suatu pungutan suara diadakan. Oleh kerana pengikut aliran Athanasius lebih ramai wakilnya, maka pegangan aliran mereka telah diambil menjadi keyakinan rasmi di dalam agama Kristian. Seramai 250 bishop²⁷ daripada 318 bishop²⁸ yang menyertai Persidangan ini telah menyokong pegangan aliran Athanasius. Henry Mart Milman di dalam bukunya *History of Latin Christianity*, menyebut bahawa jumlah bishop yang hadir pada persidangan tersebut ialah 320 orang²⁹, tetapi B.J. Kidd di dalam bukunya *A History of the Church* menyatakan jumlah yang diakui ialah 318

²⁵ Nicea merupakan sebuah kota pertahanan yang terletak di pinggir Selat Bosphorus (Asia Kecil) berhadapan dengan ibukota Constantinople. Oleh kerana persidangan tersebut dilakukan di Nicea, maka iaanya dikenali dengan Persidangan Nicea. Lihat Walter Farquhar Hook (1852), *A Church Dictionary*, hal. 430.

²⁶ Agus Hakim (1990), *Perbandingan Agama*, hal. 119.

²⁷ Mercia Eliade (1987), *The Encyclopedia of Religion*. New York: Macmillan Publishing Company, jilid 1, hal. 412.

²⁸ G.T. Bettany (t.t.), *Encyclopedia of World Religions*. London: Bracken Books, hal. 757.

²⁹ Henry Mart Milman (1883), *History of Latin Christianity*, hal., 77.

bishop³⁰. Semua pendokong aliran Arius diminta bertaubat dan tunduk dengan keyakinan rasmi tersebut. Aliran mereka telah dikira sebagai suatu bid'ah atau *heresy* di dalam agama Kristian.

Walaupun demikian Patriarch Arius enggan tunduk kepada keputusan ini dan akibatnya beliau telah ditahan di penjara bawah tanah di Selat Bosphorus. Kesan lain yang timbul ialah semua gereja dan biara di bawah pentadbiran aliran Arianisme telah diambil alih dan semua buku tulisan mereka telah dimusnahkan. Persidangan Nicea juga memilih dan menetapkan kitab suci yang sah atau *canonical books* di dalam agama Kristian. Dengan itu empat buah kitab *Gospel*³¹ telah dipilih iaitu *Matthew, Mark, Luke* dan *John*; sebuah Kisah Rasul-rasul atau *Acts of Apostles (Acts.)*, sejumlah surat-surat dari St. Paul atau *Epistle of Paul* dan rasul-rasul lainnya serta sebuah Kitab Wahyu atau *Revelation*. Kesemuanya dikumpulkan di dalam sebuah buku yang dikenali dengan Perjanjian Baru³² ataupun *New Testament*.

Namun, salah seorang pengikut³³ Arianisme yang berpura-pura tunduk kepada keputusan Nicea telah berjaya mempengaruhi dan meyakinkan Kaisar

³⁰ B.J. Kidd (1922), *A History of the Church to A.D 461*, hal. 318.

³¹ *Gospel* di dalam bahasa Greek disebut *euangelian* yang mana di dalam bahasa Inggeris disebut *to evangelize*. Perkataan *gospel* di ambil daripada perkataan Inggeris tua iaitu *godspel* yang merujuk kepada perkataan tuhan, tetapi diertikan dengan berita gembira. Lihat Jaroslav Pelikan (1988), *The Melody of Theology*. London, England: Harvard University Press, hal. 103 & 106.

³² Keterangan lanjut *infra* bab ini hal.92-96.

³³ Pengikut yang dimaksudkan ialah Eusebius of Nicomedia. Beliau merupakan seorang penganut aliran Arianisme yang fanatik dan mempunyai pengaruhnya yang kuat di istana Kaisar Constantine. _____ (1976), *The Encyclopedia Americana: International Edition*. Danbury: Connecticut, Grolier Incorporated, jilid 2, hal. 281.

Constantine tentang akidah Arianisme. Akhirnya baginda membebaskan Patriarch Arius dari tahanan pada tahun 331M dan melantiknya menjadi Bishop Agung di Constantinople. Aliran beliau telah diisytiharkan menjadi keyakinan rasmi negara dan semua tanah jajahannya.

Persidangan Nicea yang berlangsung pada tahun 325M telah menjadi titik tolak kepada perkembangan dan perpecahan agama Kristian dengan lebih ketara lagi. Ianya menjadi suatu titik tolak kepada pengasasan dan perkembangan doktrin-doktrin tertentu di dalam agama Kristian yang dimulai dengan doktrin triniti yang telah diasaskan semasa Persidangan Nicea tersebut. Selain daripada itu suatu perkembangan lain telah berlaku di sebalik penajaan Persidangan Nicea oleh Kaisar Constantine pada tahun 325M. Ini kerana walaupun Kaisar Constantine merupakan kaisar yang pertama menunjukkan simpatinya dan mengiktiraf agama Kristian, tetapi ini bukan bermakna beliau telah menjadi seorang Kristian. Simpati dan pengiktirafan yang dibuatnya hanyalah merupakan suatu helah politik untuk menjaga kelangsungan takhtanya yang pada ketika itu berlaku sedikit kekacauan politik di dalam istananya. Beliau dikatakan memeluk Kristian hanya ketika dia saat-saat kematiannya.³⁴

Sejarah telah membuktikan kebebasan yang diperolehi oleh penganut Kristian ini tidak kekal lama. Apabila Kaisar Julian (332M-363M) memegang

³⁴ G T. Bettany (t.t), *Encyclopedia of World Religions*. London: Bracken Books, hal. 755.

kekuasaan Empayar Rom dari tahun 361M hingga 363M beliau telah keluar daripada agama Kristian untuk kembali menganut agama Pagan. Baginda seterusnya membatalkan keistimewaan agama Kristian sebagai agama negara.

Keadaan ini juga berterusan tidak lama. Apabila Kaisar Thedosius³⁵ menaiki takhta pada tahun 379M, baginda memulihkan semula kedudukan agama Kristian dan telah mengambil aliran Athanasianisma sebagai keyakinan rasmi negara. Walaupun Arianisma telah tewas dan ditolak sepenuhnya, namun ianya masih kekal sehingga kini dan menjadi golongan minoriti di dalam agama Kristian. Pada ketika ini aliran ini dikenali dengan pelbagai nama seperti *Sociarism* dan *Unitarianism*. Walaupun mempunyai nama yang lain tetapi ianya masih mempertahankan akidah yang diperjuangkan oleh *Partriaher Arius*³⁶.

Sejarah perkembangan agama Kristian tidak terhenti setakat itu sahaja, malahan ianya terus berkembang. Hasil usaha keras yang dilakukan oleh para penditanya, mereka telah berjaya mendapat kuasa dan pengaruh di dalam pemerintahan sesebuah negara dan akhirnya mereka mampu untuk menentukan sesuatu dasar bagi sesebuah negara itu.

³⁵ Penulis tidak menemui tarik hidup atau mati nama terbabit

³⁶ Muhammad Ata ur-Rahim (1981), *Jesus The Prophet of Islam*. London: MWH London Publishers, hal. 110.

Semenjak abad ke-4M mula muncul suatu bentuk cara hidup kerahiban yang diasaskan oleh para paderi. Mereka mula mengasaskan suatu tarekat berbentuk kerahiban ataupun *religious orders*. Orang yang mula-mula sekali mengasaskan cara hidup seperti ini ialah St. Augustine (354M-430M) dan tarikatnya dikenali sebagai *Augustinian Friars*. St. Augustine juga merupakan orang yang bertanggungjawab mengasaskan doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian³⁷.

Perkembangan tarekat ini telah menjadi suatu budaya di dalam masyarakat Kristian. Sehingga abad ke-15M, pertumbuhan tarekat sebegini telah berkembang dengan begitu menggalakkan sekali dan terdapat lebih kurang lima buah tarekat yang terbesar dan ramai pengikutnya. Antaranya ialah Benedictines, Carmelites atau *Friars of Our Lady of Mount Carmel* atau *White Friars*, Franciscans atau *Grey Friars*, Dominicans atau *Black Friars* dan Jesuits³⁸.

Ada antara kumpulan tarekat ini yang bersifat pasif atau hanya duduk di biara menjadi rahib sepenuh masa dan ada yang bersifat agresif ataupun ketenteraan. Contoh tarekat yang agresif ialah Dominicans yang menjadi kumpulan yang ekstrim di dalam agama Kristian dan pernah terlibat di dalam Revolusi Perancis pada tahun 1789M³⁹. Mereka juga terkenal sebagai

³⁷ Perbahasan lanjut mengenai doktrin dosa warisan akan diperbahaskan dengan lebih tuntas *infra* bab 3 keseluruhannya.

³⁸ Joesoef Sou'yb (1983), *Agama-agama Besar di Dunia*, hal. 361.

³⁹ *Ibid*, hal. 364

kumpulan yang keterlaluan di dalam menjalankan penyiksaan terhadap pengikut agama Kristian yang didapati murtad ataupun mengamalkan perkara-perkara bid'ah di dalam agama.

Sebuah kumpulan lagi ialah Jesuits. Ianya lebih berbentuk kepada ketenteraan yang diasaskan Ignatius Loyola (1491M-1556M) pada abad ke-15M. Antara tujuan utama penubuhannya ialah untuk menyebarkan agama Kristian di Palestine dan menentang orang-orang Islam di sana. Kumpulan ini juga digunakan untuk menjalankan misi-misi Kristian di tanah jajahan Sepanyol dan Portugis⁴⁰.

Suatu perkara yang paling tidak dapat dilupakan di dalam sejarah ialah apabila para pendita agama Kristian berjaya mencanangkan suatu perang yang amat besar dan berjaya mempengaruhi pemerintah dan seluruh umat Kristian di seluruh dunia supaya beperang. Malahan mereka boleh memaksa setiap pengikut Kristian supaya pergi berperang. Peperangan yang dimaksudkan ialah peperangan melawan tentera Islam dan ianya terkenal dengan nama Peperangan Salib.

Peperangan ini berlangsung selama beberapa abad lamanya iaitu bermula dari tahun 1096M dan berakhir pada tahun 1270M dengan menyaksikan kemenangan di pihak tentera Islam. Walaupun tentera Kristian

⁴⁰ *Ibid*, hal. 365.

tewas di dalam perperangan tersebut, mereka masih lagi berjaya di dalam beberapa segi yang lain. Antara kejayaan mereka ialah dasar perluasaan jajahan takluk atau penjajahan yang dilakukan oleh negara-negara kuasa besar pada ketika itu seperti Britain, Portugis, Perancis, Sepanyol, Amerika Syarikat dan Itali. Apabila sesebuah negara dijajah, maka agama Kristian turut disebarluaskan dan dikembangkan di tanah jajahan tersebut. Dengan cara ini agama Kristian berjaya dikembangkan ke seluruh dunia dari benua Eropah hingga ke benua Afrika, Amerika Latin dan Asia.

Sebagai suatu bukti, di Malaysia sendiri kesan daripada penjajahan Portugis dan Britain telah menyebabkan agama ini berkembang dengan begitu luas. Banyak gereja wujud terutamanya di bandar-bandar besar dan juga banyak terdapat sekolah yang telah ditubuhkan oleh mereka dan menggunakan nama tokoh-tokoh Kristian seperti Convent, St. John, La Salle dan pelbagai lagi. Penganut agama Kristian juga merupakan antara penganut yang teramai di Malaysia selepas daripada Islam, Buddha dan Hindu; dan merupakan agama yang paling pesat berkembang sekali⁴¹.

Dengan perkembangannya yang begitu pesat terutamanya di sebelah Timur dan Barat, agama Kristian terus mengalami reformasinya melalui

⁴¹ Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 1991, jumlah penganut Kristian ialah sebanyak 1,327,620 orang daripada jumlah penduduk Malaysia pada tahun 1991 iaitu 16,775,752 orang. Manakala penganut Kristian yang bukan warganegara Malaysia pula berjumlah 84,560 orang daripada keseluruhan penduduk bukan warganegara Malaysia pada tahun 1991 iaitu 722,339 orang. Bancian pada tahun 1991 merupakan bancian yang terkini kerana Jabatan Perangkaan Malaysia hanya melakukan bancian dalam tempoh sepuluh tahun sekali.

persidangan-persidangan gereja-gereja dan juga mengalami perpecahan dengan munculnya mazhab-mazhab yang pelbagai.

b. Persidangan-persidangan Lain

Selain daripada Persidangan Nicea yang berlangsung pada tahun 325 Masehi, terdapat banyak lagi persidangan yang dianjurkan oleh gereja-gereja sedunia demi untuk menetapkan suatu pegangan dan ketetapan yang rasmi di dalam agama Kristian. Sebanyak 26 persidangan lain telah diiktiraf dan berjaya diadakan bermula dari abad ke-4M hingga ke abad 20M. Antaranya, ialah⁴²

1. Persidangan Constantinople I (381M), bertujuan untuk menyempurnakan Persidangan Nicea 325M. Perkara utama yang diperbincangkan ialah tentang Ilahiat dan Rohul Kudus atau *The Holy Spirit*.
2. Persidangan Ephesus (431M). Sebab utama diadakan persidangan ini ialah kerana Bishop Nestorius yang memegang jawatan Bishop Agung (428M-431M) di Constantinople telah cuba menyebarkan ajaran *Unitary Faith* (suatu ajaran yang menganut aliran Arianisme). Dengan kuasa yang diberikan oleh Kaisar Valentianus III (425M-454M), beliau telah dibuang negeri ke Mesir Utara.
3. Persidangan Chalcedon (451M), bertujuan mempertahankan keyakinan bahawa Jesus Christ mempunyai dua zat atau *duophysite* iaitu zat ketuhanan dan zat kemanusiaan dan menolak ajaran Bishop Eutychus

⁴² Joesoef Sou'yb (1983), *Agama-agama besar di Dunia*, hal. 352-353

yang menyatakan Jesus Christ hanya mempunyai satu zat sahaja atau *monophysite* iaitu zat ketuhanan.

4. Persidangan Orange (529M), membincangkan secara khusus tentang doktrin dosa warisan yang diadakan kerana perbezaan pendapat antara St. Augustine dengan Pelagius⁴³ berkenaan doktrin dosa warisan.
5. Persidangan Constantinople II (553M) bertujuan mengukuhkan keyakinan bahawa Mary itu adalah *Mother of God*.
6. Persidangan Constantinople III (746M), bertujuan menetapkan larangan penggunaan patung di dalam gereja dan menolak pengharaman tidak berkahwin.
7. Persidangan Nicea II (787M) bertujuan membatalkan Persidangan Constantinople III dan membolehkan penggunaan patung di dalam gereja.
8. Persidangan Constantinople IV (869M), bertujuan mengukuhkan keputusan Persidangan Nicea II.
9. Persidangan Lateran I, II, III dan IV (123M, 1139M, 1179M dan 1215M), bertujuan membincangkan dan mengambil keputusan tentang masalah disiplin di dalam gereja.
10. Persidangan Lyon I, II (1245M dan 1274M), Persidangan Wina (1311M) dan Persidangan Konstan (1414M-1418M), diadakan bertujuan membincangkan perkembangan ajaran-ajaran yang dianggap bid'ah.
11. Peridangan Basle (1431M) dan Persidangan Ferrara-Florence (1438M-1441M).

⁴³ Penulis tidak menemui tarikh hidup atau mati nama terbabit.

12. Persidangan Lateran V (1512M-1517M) dan Persidangan Trent (1545M-1563M), bertujuan membincangkan dan menetapkan amalan-amalan suci atau *sacraments* yang merupakan amalan wajib di dalam agama Kristian.
13. Persidangan Vatikan I (1869M-1870M), bertujuan membincangkan dan menetapkan sifat maksum atau *infallible* untuk semua *Pope* dan kedaraan Mary ibu Jesus Christ atau *immaculate of the blessed virgin Mary*.
14. Persidangan Vatikan II (1962M-1965M), membincangkan pelbagai masalah tingkahlaku dalam gereja Roman Katholik.

Deklarasi persidangan-persidangan yang dianjurkan dari abad ke-4M hingga ke abad ke-8M, iaitu dari Persidangan Nicea (325M) hingga ke Persidangan Nicea II (787M) telah diiktiraf dan diguna pakai oleh semua mazhab di dalam Kristian. Manakala deklarasi persidangan selepas daripada abad tersebut hingga abad ke-20M hanya diiktiraf dan diguna pakai oleh mazhab Roman Katholik.

c. Persidangan Orange (529M) dan Persidangan Trent (1545M-1563M)

Persidangan-persidangan gereja sedunia yang diadakan selepas daripada tahun 325M adalah didasari kepada Persidangan Nicea (325M) yang menjadi asas kepada kemunculan doktrin triniti yang menjadi tunjang akidah di dalam agama Kristian dan juga doktrin-doktrin lain. Jika Persidangan Nicea (325M) merupakan asas kepada pengiktirafan doktrin triniti di dalam agama Kristian kini, maka Persidangan Orange (529M) adalah asas kepada kewujudan dan pengiktirafan doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian

walaupun doktrin dosa warisan telah diasaskan hampir seratus tahun sebelum daripada itu oleh St. Augustine.

Asas utama yang membawa kepada berlangsungnya Persidangan Orange (529M) adalah kerana memuncaknya perbezaan pendapat di antara pendokong-pendokong ajaran St. Augustine dan Pelagius di dalam perkara berkaitan doktrin dosa warisan dan rahmat Tuhan⁴⁴.

Pelagius tidak bersetuju dengan pandangan St. Augustine yang menyatakan semua manusia berdosa dan tidak bebas melakukan sesuatu menurut kehendak sendiri dan secara langsung menolak doktrin dosa warisan yang cuba diasaskan oleh St. Augustine ke dalam agama Kristian. Perbezaan pendapat yang memuncak ini dan semakin ramai penganut agama Kristian yang terpengaruh dengan ajaran Pelagius yang telah dipanjangkan oleh pengikut beliau yang dikenali dengan *Semi-Pelagians* yang dianggap sesat itu telah membawa kepada Persidangan Orange yang berlangsung pada tahun 529M. Persidangan tersebut antara lain membincangkan secara khusus tentang doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian, rahmat tuhan, kebebasan kehendak manusia atau *free will*, keampunan dosa, baptis sebagai penyuci dosa dan peranan *Holy Spirit* di dalam membantu manusia menyucikan dosa⁴⁵.

⁴⁴ Perkara yang menjadi perbezaan dan perbalahan antara St. Augustine dan Pelagius *infra* dalam bab 3, hal. 211-215 dan 219-224.

⁴⁵ Lihat deklarasi Persidangan Orange (529M) di dalam Catholic University of America (1967), *New Catholic Encyclopedia*. Washington, D.C: Catholic University of America,

Selain daripada Persidangan Orange (529M), Persidangan Trent (1545M-1563M) turut membincangkan tentang doktrin dosa warisan. Namun persidangan ini hanya diiktiraf dan mempunyai autoriti di dalam agama Kristian mazhab Roman Katholik sahaja. Ini kerana semua keputusan persidangan-persidangan yang diadakan selepas daripada tahun 787M tidak diiktiraf sebagai sah oleh mazhab Orthodoks dan Protestant.

Persidangan Trent (1545M-1563M) yang diadakan hanya membincangkan secara khusus tentang ibadat–ibadat di dalam agama Kristian yang berjumlah tujuh kesemuanya dan dianggap sebagai *sacrament* iaitu *Baptism, Eucharist, Penance, Confirmation, Holy Order, Holy Unction* dan *Matrimony*⁴⁶. Persidangan ini turut membahaskan doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian.

Persidangan ini telah mengisyiharkan deklarasi untuk mengutuk orang-orang yang tidak mempercayai ajaran-ajaran Gereja Katholik yang berkaitan doktrin dosa warisan seperti kesalahan pertama Adam yang memberi kesan kepada ras manusia, peranan Jesus Christ menebus dosa warisan manusia, *infant baptism*⁴⁷ dan mengiktiraf doktrin dosa warisan sebagai salah satu tunjang akidah di dalam agama Kristian kini.

vol. X, hal. 712 ataupun boleh juga diperolehi dari internet di alamat <http://forerunner.com/chalcedon/X005.html>, di bawah tajuk *The Council of Orange*.

⁴⁶ Keterangan lanjut mengenai ibadat-ibadat *sacrament* tersebut *infra* dalam bab 3, hal. 224-277.

⁴⁷ Lihat deklarasi Persidangan Trent (1545-1563M) di dalam Catholic University of America (1967), *New Catholic Encyclopedia*, vol. XIV, hal. 271-278 ataupun boleh diperolehi dari internet di alamat <http://forerunner.com/chalcedon/X005.html>, di bawah tajuk *The*

Bertitiktolak daripada deklarasi persidangan tersebut, doktrin dosa warisan diiktiraf sebagai tunjang utama kepercayaan mazhab Katholik yang sekaligus mengaitkannya dengan tunjang akidah triniti. Perkara ini akan dibincangkan selanjutnya dalam bab seterusnya.

d. Kemunculan Mazhab-mazhab Utama Kristian

Sejarah awal kemunculan mazhab di dalam agama Kristian kini bermula semenjak dari zaman St. Paul lagi, tetapi ianya hanya berbentuk aliran ajaran-ajaran sahaja. Pada perkembangan awalnya terdapat dua aliran ataupun kelompok penganut Kristian iaitu *Early Christians* dan *Gentile Christians*. Apabila kedua aliran ini tidak ada lagi, maka muncul pula dua aliran lain iaitu Arianisme dan Athanasianisme yang mempunyai pegangan asas daripada kedua aliran yang terdahulu. Kini terdapat pula aliran lain yang berbentuk mazhab, tetapi kesemuanya mempunyai pegangan asas daripada St. Paul ataupun Athanasianisme. Namun demikian aliran Arianisme masih lagi wujud di dalam komuniti yang kecil.

Mazhab-mazhab besar di dalam agama Kristian yang terdapat sehingga kini ialah Orthodoks, Katholik dan Protestant.

i. Orthodoks

Mazhab ini dikenali juga dengan Gereja Greek Orthodoks, Gereja Timur dan Gereja Yunani⁴⁸. Perkataan orthodoks diambil daripada perkataan Greek iaitu *orthos* yang bererti dengan betulnya atau *rightly* dan *dexadzein* yang bererti puji atau *to glorify*⁴⁹. Kebanyakan pengikutnya adalah dari negara-negara Timur seperti Rusia, Balkan dan Greece. Sejarah kemunculannya bermula pada abad ke-5M lagi. Kemunculan mazhab ini adalah seiring dengan kemunculan mazhab Katholik. Di abad tersebut terdapat semacam suatu persaingan di antara gereja di sebelah Timur dan Barat untuk mendapatkan kedudukan dan pengaruh di kalangan penganut agama Kristian.

Pada masa itu hanya terdapat lima buah gereja sahaja yang mempunyai kuasa dan kedudukan di dalam agama Kristian. Gereja-gereja yang dimaksudkan ialah yang terletak di Rom, Constantinople, Iskandariah, Antioch dan Jerusalem⁵⁰. Kedua-dua belah pihak gereja Timur dan Barat berusaha mencari pengaruh di kalangan penganut agama Kristian sendiri. Persaingan sengit ini hanya berlebar antara Gereja Rom dan Constantinople sahaja. Sebelum Kaisar Constantinople memerintah, gereja di Rom merupakan tempat tumpuan utama di kalangan penganut agama Kristian. Ini kerana pusat pemerintahan Empayar Rom pada ketika itu berada di Rom. Pada

⁴⁸ Ahmad Syalabi (1978), *Muqāranah al-Adyān al-Masīhiyyah*. al-Qahirah: Maktabah al-Nahjah al-Miṣriyyah, cet. ke-6, hal. 238.

⁴⁹ Michael Keene (1993), *Believers in One God—Judaism, Christianity, Islam*. Great Britain: Cambridge University Press, hal. 72.

⁵⁰ Paul Kevin Meagher, Thomas C. O'Brien, Sister Consuelo Maria Aherne (1979), *Encyclopedia Dictionary of Religion*. Washington D.C: Corpus Publications, hal. 1143.

tahun 150M, gereja Rom telah diiktiraf sebagai sebuah gereja terbesar sekali yang dikenali dengan nama Gereja Barat⁵¹. Apabila Kaisar Constantinople memindahkan pusat pemerintahan Empayar Rom ke Constantinople (Byzantine) pada tahun 324M, maka pengaruh Gereja Barat di Rom semakin luntur. Manakala gereja di sebelah Timur mula mendapat pengaruh dan kuasa. Oleh kerana perkembangan yang menggalakkan, maka setiap gereja di Timur mempunyai ketua gereja mereka sendiri yang dipanggil *Patriarch*. Manakala Gereja Barat hanya mempunyai seorang ketua gereja sahaja yang terletak di Rom dan dipanggil *Pope* atau *Papacy*⁵².

Oleh kerana pertentangan yang semakin meningkat antara keduanya, maka pada tahun 1054M rasmilah perpisahan antara dua mazhab ini⁵³. Dengan kegiatan dakwah yang meluas, Gereja Timur berjaya meluaskan mazhab mereka sehingga ke Rusia, Balkan dan beberapa buah negara Eropah Timur seperti Czechoslovakia, Bulgaria dan Slav. Pada tahun 864M Gereja Orthodoks berjaya mengkristiankan penduduk Bulgaria dan pada tahun 988M agama Kristian berjaya dikembangkan hingga ke Rusia⁵⁴. Melalui Rusia pula,

⁵¹ David G. Bradley (1965), *A Guide to the World's Religions*. New Jersey: Prentice Hall Incorporated, cet. ke-2, hal. 59.

⁵² Ahmad Idris (1991), *Sejarah Gospel dan Gereja*. Jakarta: Penerbit Buku Andalan, hal. 77. Perkataan asal bagi *papacy* ialah papa, iaitu nama panggilan asal yang diberikan kepada ketua gereja Kristian. Namun demikian penggunaan perkataan *papacy* telah diubah kepada *Pope* atau *Bishop of Rom*.erti perkataan *papacy* pada asalnya hanyalah *father* ataupun bapa. Lihat Walter Farquhar Hook (1852), *A Church Dictionary*, hal. 457.

⁵³ Caroline Large (1981), *The Three Great Semitic Religions*, hal. 24.

⁵⁴ Paul Kevin Meagher, Thomas C. O'Brien, Sister Consuelo Maria Aherne (1979), *Encyclopedic Dictionary of Religion*, hal. 1143.

agama Kristian mazhab Orthodoks berjaya dikembangkan ke Asia, Jepun dan benua Amerika.⁵⁵

Kedudukan dan pengaruh gereja Timur yang sangat kukuh mula berubah apabila Constantinople ditawan oleh Empayar Othmaniah pada tahun 1453M⁵⁶. Kedudukan kota Constantinople dan lain-lainnya sebagai pusat agama menjadi lemah berbanding dengan kedudukan Rom sebagai pusat Gereja Barat. Ini kerana walaupun gereja-gereja yang berada di bawah penguasaan Islam bebas mengamalkan agama Kristian tetapi mereka tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditentukan oleh pemerintahan Islam. Antaranya ialah masyarakat Kristian tidak boleh berdakwah kepada masyarakat Islam dan masyarakat Kristian dilarang daripada menerima orang Islam untuk memeluk Kristian. Selain daripada itu, masyarakat Kristian juga dilarang dan tidak dibenarkan berkhidmat di dalam perkhidmatan tentera, memegang jawatan tinggi di dalam pejabat kerajaan dan mengahwini wanita Islam. Tambahan daripada itu, mereka dimestikan membayar jizyah kepada pemerintah Islam⁵⁷. Namun demikian, bagi gereja-gereja Timur yang bukan berada di bawah kekuasaan Islam seperti Rusia telah berjaya menjadi pusat kegiatan Kristian Orthodoks. Namun, kekuasaan Gereja Constantinople tetap diakui dan terus mendapat perhatian daripada Russia walaupun pengaruh Gereja Constantinople menurun.

⁵⁵ *Ibid*, hal. 1414.

⁵⁶ A.J. Arbery (1969), *Religion in the Middle East*. T.T: Cambridge University Press, vol. 1, hal. 299.

⁵⁷ *Ibid*, hal.320.

Pada ketika ini dikatakan terdapat 14 buah gereja yang mempunyai kuasa pentadbiran sendiri dan mereka bebas daripada mana-mana kuasa tetapi tetap sama dan satu dari segi kepercayaan, amalan-amalan agama dan peraturan. Gereja-gereja tersebut ialah gereja di Constantinople, Iskandariah, Antioch, Jerusalem, Rusia, Georgia, Serbia, Romania, Bulgaria, Cyprus, Greece, Poland, Czechoslovakia dan Amerika. Gereja-gereja ini turut mengiktiraf dan menghormati *Patriarch* di Constantinople⁵⁸.

Mazhab Orthodoks bukan sahaja berbeza dari segi pentadbirannya, malahan berbeza dari segi akidah dan ajaran agama mereka. Secara ringkasnya mazhab ini mengiktiraf bahawa gereja mereka adalah satu-satunya *Catholic Church of Christ* ataupun gereja umum Jesus Christ, menolak takrif doktrin yang diterima oleh Gereja Katholik semenjak perpecahan antara gereja Timur dan Barat (deklarasi Persidangan Trent, konsep kesucian Mary dan kemaksuman para *Pope*). Memegang teguh kitab suci dan tradisi agama sebagai lambang tertinggi di dalam agama Kristian dan suara yang paling mempunyai autoriti dan dipercayai ialah persidangan para ahli majlis gereja. Mazhab ini turut meletakkan bahawa pengetahuan pengikut agama Kristian tentang *Holy Spirit* di dalam keseluruhan gereja adalah untuk Orthodoks sebagai penjaga kebenaran selamanya⁵⁹. Mereka juga mempercayai triniti dan berdasarkan akidah tersebut Jesus Christ berada di kedudukan yang

⁵⁸ Paul Kevin Meagher, Thomas C. O'Brien, Sister Consuelo Maria Aherne (1979), *Encyclopedic Dictionary of Religion*, hal. 1143.

⁵⁹ *Ibid*, 1144.

kedua selepas daripada Tuhan ataupun *God the Father* serta hakikat gereja adalah jasad Jesus Christ⁶⁰.

ii. Roman Katholik dan Protestant

Mazhab Roman Katholik dikenali juga dengan Gereja Barat atau Latin atau Roman Orthodoks⁶¹. Sebagaimana yang telah dibincangkan, sejarah kemunculannya seiring dengan mazhab Orthodoks. Namun demikian di peringkat awal, kemunculannya adalah lebih dahulu daripada Gereja Timur. Namun bukan di dalam bentuk mazhab kerana pada masa itu kedudukan pusat empayar Rom berada di sebelah Barat.

Selepas tahun 70M iaitu selepas berlakunya pemberontakan bangsa Yahudi terhadap kerajaan Rom, gereja-gereja di Antioch dan Iskandariah mengambil alih kepimpinan gereja dari Jerusalem. Keadaan ini berterusan sehingga serangan bangsa Hun ke atas kota Rom dan berpindahnya pusat pemerintahan Empayar Rom ke Constantinople. Selepas daripada itu, berlaku persaingan di antara Rom dan Constantinople untuk menunjukkan siapakah yang layak untuk memimpin seluruh gereja. Di dalam persaingan tersebut, gereja di Rom semakin hilang pengaruhnya dan gereja Constantinople semakin menonjol. Selain daripada itu wujud pula bentuk pentadbiran gereja yang berasingan. Telah dinyatakan terdahulu, bahawa gereja-gereja di Barat hanya diperintah oleh seorang ketua sahaja yang dipanggil sebagai *Pope* dan

⁶⁰ Michael Keene (1993), *Believers in One God*, hal. 72.

⁶¹ Ahmad Syalabi (1978), *Muqārānah al-Adyān al-Masīhiyyah*, hal. 239.

ianya berkuasa di Rom berbanding Gereja Timur mempunyai ramai ketua gereja yang berkuasa untuk keseluruhan Gereja Timur.

Pope di Rom telah mengambil kesempatan daripada keadaan tersebut untuk mengisyiharkan dirinya sebagai ketua gereja sedunia dan seluruh pengikut Kristian wajib tunduk kepada segala ketentuan dan kekuasaan gereja Barat⁶². Selain daripada itu, untuk mendapat kedudukan yang istimewa dari gereja-gereja lain, *Pope Celestine* telah memperkenalkan teori yang meletakkan gereja Rom mendapat tempat yang mulia di kalangan mazhab Katholik. Teori ini dikenali sebagai *Petrine Theory* yang diperkenalkan pada abad ke-5M⁶³. Teori ini bermaksud pengiktirafan daripada Jesus Christ telah diberikan kepada St. Peter (64M?) iaitu murid tertua Jesus Christ. Bertitiktolak daripada teori tersebut, sudah sewajarnya *Pope* yang menerajui gereja dan berusaha keras untuk mazhab Katholik turut layak mendapat pengiktirafan sedemikian. Apatah lagi, semangat kerohanian St. Peter yang dikebumikan di Rom wajar diwarisi oleh pemimpin tertinggi Gereja Rom dan bukannya yang lain. Hal ini ada dinyatakan di dalam ***Matthew 16:17-19***:

"Then Jesus said: 'Simon son of Jonah, you are favoured indeed! You did not learn that from mortal man; it was revealed to you by my heavenly Father. And I say this to you: You are Peter, the rock; and on thos rock I will build my church, and the forces of death shall never overpower it. I will give you the keys of the kingdom of Heaven; what you forbid on earth shall be forbidden in heaven, and what you allow on earth shall be allowed in heaven'."

⁶² Rouf Shalaby (1972), *Sorotan kepada Agama Masehi*, hal. 97.

⁶³ Joesoef Sou'yib (1983), *Agama-agama Besar di Dunia*, hal. 356.

Di samping itu, sepermama yang disebut bahawa semangat kerohanian St. Peter adalah wajar diwarisi oleh masyarakat gereja tertinggi Rom. Ini diasaskan kepada sejarah St. Peter. Pada tahun 64M, St. Peter berkunjung ke Rom dan beliau telah mati di sana kerana terlibat di dalam *massacre* yang dilakukan oleh Kaisar Nero. Mayatnya dikatakan telah ditanam di suatu tempat di mana gereja St. Peter dibina⁶⁴. Oleh kerana beliau dianggap mempunyai kelebihan di dalam bidang kerohanian dan akhir hayatnya pula di Rom, maka kelebihannya itu telah diwarisi oleh setiap pengantinya iaitu para Bishop di Rom. Dengan teori tersebut, Rom telah mendapat tempat yang tinggi terutamanya dari kalangan gereja Barat dan Bishopnya telah digelar dengan panggilan *Pope*⁶⁵.

Pertentangan antara Gereja Barat dan Timur berterusan sehingga secara rasminya pengisytiharan perpecahan mereka pada tahun 1054M. Dengan ini dunia Kristian mempunyai dua bentuk mazhab yang mempunyai pengaruh yang kuat di dalam Kristian iaitu mazhab Greek Orthodoks dan mazhab Roman Katholik. Semasa berlakunya perluasan kekuasaan Islam, gereja-gereja di Timur menjadi lesu tetapi gereja-gereja di Barat bergerak cergas. Mereka begitu aktif mengembangkan agama Kristian ke seluruh dunia. dan terlibat secara langsung dengan dasar penjajahan yang dilakukan oleh negara-negara Barat ketika itu iaitu Britain, Sepanyol, Portugis, Itali, Belanda,

⁶⁴ David Hugh Framer (1992), *The Oxford Dictionary of Saint*. Oxford, New York: Oxford University Press, cet. ke-3, hal., 389.

⁶⁵ Joesoef Sou'yib (1983), *Agama-agama Besar di Dunia*, hal. 356.

Perancis dan Amerika Syarikat. Oleh itu dapat dilihat bahawa setiap negara yang dijajah oleh negara-negara berkenaan, sekaligus pengembangan dakwah agama Kristian ke atas penduduk tempatan turut dilaksanakan. Contoh sejarah yang terdekat ialah negara-negara di sebelah Asia Tenggara seperti Filipina, Malaysia dan Indonesia. Kesemua negara ini pernah dijajah oleh negara-negara yang sepenuhnya Kristian seperti Perancis, Sepanyol, Portugis, Belanda, Britain dan Amerika Syarikat⁶⁶.

Gereja Barat juga terlibat aktif di dalam Perang Salib dan merupakan pihak yang pertama sekali memukul gendang peperangan. Tujuan utama mereka adalah untuk menawan kembali Jerusalem daripada tangan umat Islam. Hasrat tersebut tercapai apabila Jerusalem jatuh ke tangan mereka pada tahun 1099M⁶⁷ setelah percubaan kali pertama pada tahun 1096M gagal⁶⁸. Selain daripada tujuan menawan kembali Jerusalem daripada tangan umat Islam, Gereja Barat mempunyai tujuan yang lain iaitu untuk menghapuskan pengaruh gereja Orthodoks dengan memasukkan pengaruhnya ke dalam Ortodoks. Namun usaha ini tidak mencapai matlamat yang dikehendaki kerana kesibukan melawan tentera Islam. Akhirnya kota Jerusalem berjaya ditawan semula oleh tentera Islam di bawah pimpinan panglima Salahuddin al-Ayubi pada tahun 1187M⁶⁹.

⁶⁶ Nigel Kelly (1993), *History of Malaya & South-east Asia*. Singapore: Heineman Asia, hal. 12, 33, 135, 227 & 241.

⁶⁷ O.K. Rahmat S.H (1979), *Dari Adam Sampai Muhammad*, hal. 463.

⁶⁸ *Ibid*

⁶⁹ Said Ḥabd al-Fataḥ Ḫasyūz (1976), *al-Harakah al-Šalībiyyah*. al-Qahirah: Maktabah al-Anjalu al-Misriyyah, cet. ke-3, hal. 793.

Perpecahan di dalam agama Kristian tidak terhenti di antara mazhab Orthodoks dan Katholik sahaja. Di bawah penguasaan Roman Katholik, Eropah mengalami zaman kegelapannya kerana kongkongan pihak gereja terutamanya *Pope* yang mempunyai kuasa yang amat meluas dan tidak terbatas. Zaman ini dikatakan sebagai zaman pertengahan dan ia hanya boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu:⁷⁰

1. Dari zaman Charlemagne (742M-814M) hingga Gregory VII (800M-1073M) merupakan zaman keemasan *Pope*.
2. Dari zaman Gregory VII hingga Boniface VIII (1073M-1294M) merupakan zaman penguasaan *Pope* ke seluruh Eropah.
3. Dari zaman Boniface VIII hingga zaman reformasi (1294M-1517M) merupakan zaman reformasi.

Contoh penggunaan kuasa *Pope* yang berleluasa ini dapat dilihat apabila *Pope* Leo ke X memegang jawatan *pope* pada tahun 1513M bercita-cita untuk membina sebuah gereja yang paling hebat di dalam dunia Kristian yang dikenali dengan Kubah St. Peter⁷¹ ataupun *The Basilica of St. Peter's*. Untuk mendapatkan sumber kewangan yang cukup, beliau telah menjual surat-surat pengampunan dosa ataupun *indulgences letter* ke seluruh umat Kristian di setiap pelusuk dunia. Perbuatannya mendapat tentangan daripada salah seorang reformis agama Kristian iaitu Martin Luther (1483M-1546M) yang melihatnya telah menjadi suatu urusan yang berbentuk komersial

⁷⁰ Ahmad Idris (1991), *Sejarah Injil dan Gereja*, hal. 78.

⁷¹ O.K. Rahmat S. H (1976), *Dari Adam Sampai Muhammad*, hal., 414.

berbanding dengan keagamaan untuk mendapatkan keampunan di hadapan tuhan⁷². Pertentangan tersebut merupakan kemuncak daripada pertentangan yang dilakukan oleh Luther.

Luther menganggap tindakan *Pope* tersebut adalah keterlaluan. Ini kerana, tidak mungkin seseorang yang telah melakukan jenayah dan kesalahan yang besar seperti membunuh, merogol dan berzina boleh diampunkan dengan begitu mudah hanya dengan membeli surat-surat pengampunan. Manakala mangsa perbuatan jenayah tersebut tidak dibela dengan sewajarnya. Ini memperlihatkan ketidakadilan oleh pihak *pope* yang seolah-olahnya berlagak seperti tuhan yang mempunyai kuasa dan hak mengampun⁷³.

Perbuatan tersebut telah menyebabkan Luther menghantar surat-surat kepada para paderi di Jerman supaya membantah tindakan *Pope Leo X*, tetapi mereka takutkan kuasa yang dipunyai oleh *Pope*. Ini telah mendorong Luther untuk menulis suatu kertas kerja di dalam bahasa Latin yang digunakannya untuk menolak penjualan surat-surat pengampunan. Hasil kerjanya ini dikenali dengan *The Ninety-five Thesis*⁷⁴. Luther telah meletakkannya di hadapan pintu gereja di Wittenberg. Peristiwa tersebut berlaku dalam tahun 1517M⁷⁵. Beliau juga telah menghantar salinan-salinan *thesisnya* ke

⁷² Hanns Lilje (1967), *Luther and the Reformation. An Illustrated View* (diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Martin O. Dietrich). Philadelphia: Fortress Press, hal. 129.

⁷³ Hussein Haikal (1977), "The Protestant Reformation and the Islamic Purification" (disertasi M.A.), Duquesne University, hal. 67

⁷⁴ Paul Tillich (1968), *A History of Christian Thought*, hal. 232 dan loc.cit, *The Protestant Reformation and the Islamic Purification*, hal. 68.

⁷⁵ Hanns Lilje (1967), *Luther and the Reformation*, hal. 129.

universiti-universiti di Jerman. Surat ini telah disebarluaskan dengan meluas dan diterjemahkan ke dalam bahasa Jerman dan Inggeris⁷⁶.

Apabila perkara tersebut sampai ke pengetahuan *Pope*, beliau menjadi marah dan memecat Luther dari jawatan paderi pada tahun 1517M⁷⁷. Tindakannya mendapat tentangan yang drastik daripada Luther yang akhirnya membawa kepada pemisahan gereja di bawah pimpinan Luther daripada gereja Roman Katholik. Tindakan Martin ini mendapat sokongan daripada para paderi yang sealiran dengannya. Kumpulannya dikenali sebagai Protestant yang berasal dari kata *protest* iaitu bantahan ke atas tindakan *Pope* Leo ke-X yang menjual surat-surat pengampunan dosa untuk membina gereja terbesar. Luther kemudiannya telah menterjemahkan Bible ke dalam bahasa Jerman. Mazhab ini telah berkembang dengan meluasnya ke negara-negara seperti Jerman, Denmark, Norway, Sweden, negeri-negeri Inggeris, Scotland dan Amerika⁷⁸.

Jika dilihat dari segi kepercayaan di antara mazhab Roman Katholik dan Protestant adalah berbeza. Namun dari aspek prinsip asas adalah sama dan tetap mengekalkan akidah triniti dan syariat-syariat di dalam agama Kristian yang terdapat di dalam Bible sebagai tunjang keyakinan Protestant. Di samping itu, mazhab Protestant hanya merujuk kepada Bible sebagai sumber

⁷⁶ O.K. Rahmat S. H (1976), *Dari Adam Sampai Muhammad*, hal., 416.

⁷⁷ Caroline Large (1981), *The Three Great Semitic Religions*, hal. 25.

⁷⁸ *Ibid.*

utama dan para penganutnya bebas untuk mentafsir dan memahami Bible menurut pemikiran mereka. Setiap gereja adalah bebas dan tidak mempunyai hirarki kepimpinan serta tidak mempunyai hak di dalam mengampunkan dosa manusia. Mazhab ini bebas menggunakan bahasa tempatan di dalam setiap upacara ibadat, menolak kaitan makan malam *passover* dengan tubuh dan darah Jesus Christ. Selain daripada itu, mazhab Protestant turut mengharuskan perkahwinan di kalangan para paderi dan menolak penggunaan patung dalam sembahana dan upacara ibadat⁷⁹.

Berlainan pula dengan mazhab Roman Katholik yang mempunyai hirarki di dalam kepimpinan dengan jawatan *Pope* menduduki hirarki yang tertinggi. Hanya pihak gereja sahaja yang boleh mentafsir Bible dan penganutnya dilarang mentafsirnya tanpa petunjuk daripada paderi. Suara yang tertinggi dan paling berautoriti ialah para *Pope*. Selain daripada itu, mazhab Roman Katholik turut melarang para paderi daripada berkahwin tetapi mengharuskan perzinaan secara sembunyi. Gereja turut mempunyai kuasa untuk mengampuni dosa-dosa para penganutnya⁸⁰. Perbandingan beberapa praktikal di antara kedua-dua mazhab tersebut meletakkan kedua-duanya berbeza walaupun prinsip asasnya masih bertunjang kepada akidah triniti.

⁷⁹ Paul Tillich (1968), *A History of Christian Thought*, hal. 233-256 dan Ahmad Syalabi (1978), *Muqārah al-Adyān al-Masihiyyah*, hal. 259-260.

⁸⁰ Loc.cit, *A History of Christian Thought*, hal., 211-226.

3. Kristian di Abad ke-20M

Perkembangan Kristian di abad ke-20M banyak dipengaruhi oleh gerakan reformasi yang dilakukan oleh para pengikut yang tidak bersetuju dengan bentuk kepimpinan yang dilakukan oleh gereja Roman Katholik pada abad ke-16M. Ini kerana penyelewengan dan penindasan banyak dilakukan terhadap para penganut Kristian. Gerakan awal ini dipelopori oleh tokoh-tokoh yang terkenal seperti Luther, Ulrich Zwingli (1484M-1531M) dan John Calvin (1509M-1564M). Pada asasnya, sebelum daripada reformis-reformis tersebut telah wujud beberapa bentuk reformasi, tetapi berjaya dihalang oleh gereja dan pihak gereja telah menjatuhkan hukuman bunuh terhadap pejuang yang dianggap pemberontak. Antara yang menerima nasib sedemikian adalah terdiri dari golongan terpelajar seperti John Wyclif of England (1330M?-1384M) telah dijatuhi hukuman bakar pada tahun 1384M, John Hus (1372M-1415M) turut dibakar pada tahun 1415M dan Girolamo Savonarola (tidak diketahui tarikh mati) digantung sehingga mati dan kemudian mayatnya dibakar⁸¹. Mereka telah menentang kekuasaan gereja yang didominasi oleh para *pope* Roman Katholik. Gerakan mereka ini mendapat sokongan daripada beberapa buah kerajaan yang tidak bersetuju dengan kekuasaan gereja.

Gerakan reformasi yang dilakukan oleh Luther dan lain-lainnya tidak berjaya dihalang oleh pihak gereja kerana mendapat sokongan padu daripada pelbagai pihak kerajaan yang semakin kukuh menentang kepimpinan gereja

⁸¹ Lewis M. Hopfe (1983), *Religions of the World* U.S.A: Macmillan Publishing Co. Inc., hal 402.

dan penganut-penganut Kristian yang bencikan kepimpinan dan kekuasaan *pope* Rom yang melampaui batas. Akibat daripada penentangan ini sebuah lagi pecahan mazhab daripada Roman Katholik iaitu mazhab Protestant terbentuk.

Di dalam abad ke-20M, kegiatan dakwah agama Kristian adalah lebih tertumpu ke negara-negara di sebelah Asia. Ini kerana sambutan yang tidak menggalakkan daripada penganut agama Kristian di sebelah Barat, akibat daripada pengasingan antara gereja dan politik. Rakyat lebih banyak menjauhkan diri daripada gereja. Sebaliknya agama Islam semakin mendapat sambutan. Banyak gereja yang telah dibeli dan dijadikan masjid. Perkembangan yang sihat ini telah meletakkan Islam sebagai agama yang paling berkembang di Barat.

Oleh kerana sambutan dingin terhadap agama Kristian di Barat, agama Kristian telah disebarluaskan di kalangan negara-negara Asia. Sambutan adalah agak menggalakkan terutamanya di negara-negara seperti Malaysia, Indonesia, Singapura dan Filipina. Menurut suatu perangkaan yang dikeluarkan oleh *National Evangelical Fellowship* pada tahun 1995M, agama Kristian adalah agama yang paling berkembang pesat di Malaysia⁸². Di Malaysia sendiri sejarah kemasukan agama Kristian adalah seawal abad ke-16M. Kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511M di tangan

⁸² *Harakah*, Ismin 6 Zulhijjah 1417/14 April 1997, bil. 864, hal. 1. Penulis tidak dapat menjumpai rujukan asal maklumat ini iaitu *National Evangelical Fellowship*.

penjajah Portugis yang bermazhab Roman Katholik telah menyebabkan agama Kristian di bawa masuk ke Tanah Melayu pada ketika itu oleh para missionari Kristian yang menjadikan bumi Melaka sebagai tapak awal operasinya⁸³.

Oleh itu tidak hairan gereja-gereja begitu banyak didirikan di Malaysia. Agama Kristian pada ketika ini bukan sahaja terlibat di dalam kegiatan missionari, malahan terlibat juga di dalam bidang kebajikan. Bidang kebajikan merupakan antara bidang utama di dalam usaha pihak gereja untuk mendekatkan diri dengan masyarakat. Tumpuan utama diberi penekanan adalah kebajikan masyarakat (khususnya pendidikan dan kesihatan)⁸⁴ seperti menyediakan kelengkapan rumah kebajikan dan perlindungan orang-orang tua, kanak-kanak dan masyarakat istimewa. Banyak pertubuhan sukarela yang ditaja oleh masyarakat Kristian ditubuhkan yang antara lain fokusnya di dalam bidang kebajikan. Antaranya yang terdapat di Malaysia ialah pertubuhan *Malaysia Care* yang khusus aktivitinya di dalam bidang kebajikan dan kesihatan. Selain daripada itu terdapat juga pertubuhan lain seperti *Life Centre* yang juga khusus di dalam bidang kesihatan.

Berasaskan keadaan tersebut meletakkan agama Kristian kini lebih berbentuk sosial atau dikenali sebagai Kristian Sosiologi. Ini kerana

⁸³ Mohammed Yusoff Hussain, et.al (1993), *Isu-isu dalam Usuluddin dan Falsafah "Gerakan Kristianisasi di Kalangan Umat Islam"*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 286.

⁸⁴ *Ibid*, hal. 292.

pengamalan agama Kristian banyak dipengaruhi oleh budaya setempat sesuatu masyarakat. Sebagai contoh di Malaysia, kebanyakan para penganut Kristian terdiri daripada masyarakat Cina, namun mereka bebas melakukan segala bentuk amalan keluarga asal mereka. Masyarakat Cina Kristian hanya perlu pergi ke gereja pada hari Ahad dan menjalankan setiap syariat yang terdapat di dalam agama Kristian. Selebih daripada itu mereka bebas melakukan apa sahaja mengikut kehendak ataupun budaya bangsa mereka. Dr. Ghazali Basri di dalam satu kertas kerjanya yang bertajuk *Gerakan Kristianisasi di Nigeria. Satu Kajian Kes*, menyatakan bahawa agama Kristian mudah disesuaikan mengikut selera penganut setempat. Mereka bukan sahaja menekankan penggunaan bahasa tempatan malahan upacara agama juga disesuaikan menurut keadaan. Sebagai contoh, penggunaan unsur-unsur Islam dan tradisi masyarakat tempatan di dalam upacara-upacara ibadah seperti cara berpakaian, duduk bersiringan bagi lelaki dan perempuan, sujud dan pelbagai lagi. Mereka juga menggunakan gendang dan tepukan tangan bahkan gereja-gereja utama di Nigeria juga telah menginstitusikan poligami ataupun berkahwin lebih daripada satu di kalangan penganut agama Kristian⁸⁵.

Hal ini dapat juga dilihat di dalam rencana-rencana di televisyen yang berkaitan dengan agama Kristian yang memperlihatkan para penganutnya bebas mengamalkan segala budaya bangsa dan agama yang terdahulu. Bahkan

⁸⁵ Ghazali Basri (Dr.) (1986). *Gerakan Kristianisasi di Nigeria. Satu Kajian Kes* (merupakan laporan kajian kes yang telah dijalankan di Nigeria pada bulan Oktober-Disember 1986). Telah disiarkan di dalam majalah tri-bulanan *Suara Muhammadiyah* (April-Jun 1996). Singapura: Jabatan Penerbitan Persatuan Muhammadiyah, Persatuan Muhammadiyah Singapura, hal. 36.

secara tidak langsung sebahagiannya telah menjadi salah satu ibadat di dalam agama Kristian. Secara jelasnya dapatlah dikatakan kedudukan agama ini adalah sama seperti agama Hindu dan Buddha yang berubah mengikut adat, budaya dan agama asal sesuatu kaum dan tempat. Justeru, ia lebih sesuai dikategorikan sebagai agama budaya. Ini sekaligus meletakkan agama ini hilang identiti asalnya sebagai agama samawi. Oleh kerana itu, ia sesuai disebut sebagai agama Kristian kini iaitu berbeza daripada yang asal.

Secara keseluruhannya sejarah perkembangan agama Kristian selain daripada era yang telah diketengahkan di atas, dapat dibahagikan kepada tiga kategori period utama yang lain iaitu period permulaan, pertengahan dan moden. Period permulaan merangkumi lapan abad pertama Masehi⁸⁶. Ianya bermula daripada era para *apostle* hingga ke era *Pope Charlemagne* iaitu di penghujung abad ke-8M. Period pertengahan pula merangkumi tujuh abad⁸⁷ selepas zaman permulaan dan bermula dari era *Pope Charlemagne* hingga ke era wujudnya penentangan rakyat terhadap pemerintahan gereja iaitu kira-kira abad ke-16M. Manakala period moden pula bermula daripada masa penentangan Luther terhadap penjualan surat-surat pengampunan pada tahun 1517M hingga kini iaitu kira-kira enam abad lamanya. Hingga kini pengikut agama Kristian di seluruh dunia dianggarkan seramai 1.5 billion

⁸⁶ James Hastings (1910), *Encyclopedia of Religion and Ethics*. Edinburgh: T&T Clark, hal. 589.

⁸⁷ *Ibid*.

orang dan merupakan penganut yang teramai sekali di antara agama-agama lain⁸⁸.

Ini adalah hasil usaha St. Paul yang diiktiraf oleh kebanyakan sarjana Barat dan Islam sebagai pengasas kedua agama Kristian dan meletakkannya sebagai agama bersifat universal. Keasliannya telah benar-benar berubah. Justeru mengenali St. Paul adalah kunci utama memahami bentuk ajaran agama Kristian kini.

C. ST. PAUL

Sebelum perbincangan yang menyeluruh mengenai agama Kristian, terutamanya perkara yang berkaitan dengan ajaran-ajaran St. Paul (dikhususkan lagi tentang doktrin dosa warisan) ini dilanjutkan, kajian ini akan membincangkan biodata St. Paul yang diletakkan sebagai pengasas kepada Kristian kini. Pemahaman terhadap riwayat St. Paul adalah kunci utama memahami kedudukan agama Kristian kini yang telah mengalami pelbagai perubahan dalam usaha menempatkan diri sebagai agama universal sepetimana yang dicita-citakan oleh St. Paul.

1. Riwayat Hidup


Sejarah hidup St. Paul semasa kecil adalah agak kurang diketahui. Apa yang diketahui nama beliau ialah Saul dilahirkan di sebuah tempat bernama

⁸⁸ Michael Keene (1993), *Believers in One God*, hal. 60 dan Stephen F. Brown (1991), *Christianity World Religions*. Oxford, New York: Facts on File, hal. 10.

Tarsus. Tarsus merupakan sebuah bandar kebudayaan Greek yang terletak di dalam wilayah Celicia di Asia Kecil. Dari segi sosiologi budaya, bandar ini terletak di antara pertemuan tiga budaya iaitu Greek, Rom dan Yahudi. Oleh kerana itu, penduduk Yahudi yang menetap di sini telah terpengaruh dengan kebudayaan Greek dan mereka ini dikenali sebagai "*Hellenistic Jews*", walaupun Saul dikatakan sebagai berketurunan Yahudi tulen. Ayahnya adalah seorang bangsawan dan merupakan keturunan suku Benjamin yang merupakan antara suku yang dihormati di kalangan bangsa Yahudi. St. Paul dan ayahnya menganut suatu fahaman yang dikenali sebagai fahaman *Pharisees*⁸⁹.

Ayahnya bercita-cita untuk menjadikan St. Paul seorang pendita terkenal di antara pendita Yahudi. Oleh itu beliau telah dihantar menuntut di Jerusalem. Di sana St. Paul bukan sahaja menuntut ilmu agama Yahudi, malahan juga beliau mempelajari tentang agama-agama dan falsafah yang wujud ketika itu, terutamanya tentang agama-agama tua Rom dan Greek serta ilmu falsafah Greek.

⁸⁹ *Pharisees* merupakan sebuah parti agama yang kuat berpegang kepada ajaran-ajaran tradisi dan undang-undang Moses serta menolak liberalisasi agama ke atas bangsa asing yang terdapat di sekeliling mereka. Mereka juga merupakan golongan yang kuat mengejar keduniaan dan menyeleweng daripada ajaran-ajaran sebenar kitab Taurat. Mereka begitu kuat menentang kerasulan Jesus Christ kerana Jesus Christ menentang mereka diakibatkan sikap dan penyeleweng golongan ini. John McManners (1990), *The Oxford Illustrated History of Christianity*. Oxford, New York: Oxford University Press, hal. 22. Lihat juga R.A Markus (1974), *Christianity in the Roman World*. London: Thames and Hudson Ltd., hal. 18. dan A. Hamid Jaudah As-Shahhar (1987), *Isa al-Masih* (diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia daripada Bahasa Arab oleh H. Salahuddin Abdullah). Kuala Lumpur: Penerbitan Pustakan Antara, hal. xi. Namun penulis tidak menjumpai teks asal buku tersebut.



Beliau digambarkan sebagai seorang yang taksub kepada agamanya. Ini telah menyebabkan beliau menjadi salah seorang yang begitu menentang Jesus Christ dan pengikutnya, walaupun beliau sendiri tidak pernah berjumpa dan mendengar pengajaran Jesus Christ. Peristiwa ganjil⁹⁰ yang dialaminya ketika di dalam perjalanan ke Damsyik telah mendorong St. Paul memeluk agama Kristian. Ini telah menjadikan beliau sebagai penganut agama Kristian yang taat dan berusaha untuk menyebarkan agama ini dengan lebih luas lagi. Kemasukan beliau ke dalam agama Kristian telah mendapat sokongan yang kuat daripada salah seorang pengikut Jesus Christ iaitu Barnaba.

Namun demikian, kemasukan beliau ke dalam agama Kristian telah menjadi kontroversi dan mendapat tentangan yang hebat daripada para penganut awal agama Kristian. Ini kerana, beliau telah membawa perubahan, tambahan dan pengurangan terhadap doktrin-doktrin yang terkandung di dalam hukum Taurat dan Gospel. Ajaran-ajaran St. Paul telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada generasi baru Yahudi dan orang-orang yang bukan Yahudi ataupun *gentiles*, apabila beliau menjadikan agama ini bersifat sejagat ataupun universal.

Sepanjang hidupnya, St. Paul telah banyak menulis surat kepada pembesar-pembesar dan penduduk-penduduk di serata tempat. Bukti surat-suratnya dapat dilihat di dalam *The New Testament* pada bab yang khusus

⁹⁰ Keterangan lanjut mengenainya *infra* bab ini hal. 71-72.

iaitu *Epistles of Paul*⁹¹. Surat-surat ini ditulis adalah bertujuan untuk menyebar, menerang dan menjelaskan pemikirannya tentang akidah Kristian kepada penganut-penganut agama Kristian. Ini kerana jika dibaca dengan teliti, akan didapati banyak daripada *Epistles of Paul* mengandungi unsur-unsur propaganda, penyebaran fikirannya dan yang paling penting memaksa pemikirannya diikuti oleh semua penganut agama Kristian dan sekaligus memburuk-burukkan golongan *Hawariyyun* atau pembantu Jesus Christ ataupun para *apsotle* Jesus Christ. Banyak contoh boleh diambil daripada *The New Testament* yang memperlihatkan perbuatan St. Paul tersebut. Antaranya sebagaimana yang dinyatakan di dalam beberapa petikan daripada *Galatians 3:10-14*:

"All who rely on observing the law are under a curse, for it is written: "Cursed is everyone who does not continue to do everything written in the Book of the Law." Clearly no one is justified before God by the law, because, 'The righteous will live by faith.' The law is not based on faith; on contrary, "The man who does this things will live by them." Christ redeemed us from the curse of the law by becoming a curse for us, for it is written: "He redeemed us in order that the blessing given to Abraham might come to the Gentiles through Christ Jesus, so that by faith we might receive the promise of the spirit."

Keterangan di atas seolah-olah menunjukkan St. Paul mengarahkan orang ramai supaya tidak mempercayai hukum-hukum dan peraturan-peraturan yang terdapat di dalam kitab Taurat dengan dakwaannya bahawa kitab tersebut tidak ditulis berdasarkan iman. Beliau juga mengajarkan bahawa agama yang diajarkan oleh Abraham yang dikhkususkan kepada

⁹¹ *Infra* bab ini hal. 93.

bangsa Yahudi sahaja sebenarnya boleh dibuka kepada orang asing yang bukan berbangsa Yahudi. Seterusnya ditambah pula di dalam *2 Corinthians 5:14-15 & 17-21* menyatakan:

"For Christ's love compels us, because we are convinced that one died for all, and therefore all died. And he died for all, that those who live for themselves but for him who died for them and was raised again."

"Therefore, if anyone is in Christ, he is new creation: the old has gone, the new has come! All this from God, who reconciled us to himself through Christ and gave us the ministry of reconciliation; that God was reconciling the world to himself in Christ, not counting men's sins against them. And he has committed to us the message of reconciliation. We are therefore Christ's ambassadors, as though God were making his appeal through us. We implore you on Christ's behalf: be reconciled to God. God made him who had no sin to be sin for us, so that in him we might become the righteousness of God."

Berdasarkan keterangan-keterangan tersebut, St. Paul cuba mengajarkan tentang idea perdamaian antara Tuhan dengan manusia melalui perantaraan Jesus Christ yang dikehendaki mati dahulu supaya perdamaian ini berlaku. Walaupun St. Paul tidak mengajarkan dosa warisan tetapi bibit-bibit doktrin dosa warisan itu telah wujud melalui pernyataan St. Paul tentang Jesus Christ mati kerana melepaskan manusia daripada tanggungan dosa. Justeru, untuk merungkaikan belenggu dosa perlu melakukan perdamaian dengan Tuhan sepertimana yang dijelaskannya di dalam *2 Corinthians 17-21* di atas. Beliau juga turut mengkritik dan menghina orang-orang yang menentang beliau⁹².

⁹² Perbincangan lanjut boleh dilihat di dalam *The Old Testament (1 John 2:18), (1 Timothy 6:3-5)* dan *(2 Timothy 2:23 & 4:9-16)*.

Walaupun beliau disanjung dan diberi penghormatan oleh penganut agama Kristian kini, cerita tentang kematiannya kurang diketahui. Maklumat yang kerap dipaparkan oleh para sarjana Barat dan berdasarkan *The New Testament* ialah tentang peristiwa penahanannya oleh bangsa Yahudi⁹³. Ketika St. Paul berangkat dari wilayah asing menuju ke Jerusalem, beliau telah ditangkap oleh para pendita agama Yahudi dan diserahkan kepada Imam Besar atau *High Priest* di Jerusalem. Menurut Marta Sordi di dalam bukunya *The Christians and the Roman Empire*, St. Paul mungkin ditangkap semasa perayaan *Pentecost*⁹⁴ di akhir pemerintahan gabenor Rom di Jerusalem ketika itu, Antonius Felix (54M)⁹⁵. Oleh kerana beliau berwarganegara Rom, beliau telah diserahkan kepada Rom untuk diadili⁹⁶ dan selepas daripada itu berita mengenai dirinya tiada kedengaran lagi. Walaupun begitu, terdapat sumber maklumat yang diyakini menyatakan beliau juga terlibat di dalam pembunuhan beramai-ramai bangsa Yahudi ketika berlakunya pemberontakan besar-besaran menentang Kerajaan Rom. Beliau dikatakan telah mati di pancung di Via Ostience, Rom pada tahun 66M atau 67M⁹⁷. Beliau

⁹³ Cerita lanjut mengenai penangkapannya dapat diilahit di dalam *The New Testament (Acts. 23-28)*.

⁹⁴ *Pentacost* merupakan hari yang ke lima belas daripada perayaan *Passover* (perayaan *Passover* merupakan perayaan orang-orang Yahudi yang merayakan pembebasan mereka daripada penindasan Firaun dan keluarnya mereka dari bumi Mesir). Ninian Smart & Richard D. Hecht (1983), *Sacred Texts of the World: A Universal Anthology*. Great Britain: Macmillan References Books, hal. 113 dan lihat Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (1999), *Perayaan-perayaan Agama Kristian*. Universiti Malaya: Jabatan Akidah & pemikiran Islam, hal. 7, 39 & 66-69.

⁹⁵ Marta Sordi (1983), *The Christians and the Roman Empire*. London & Sydney: Croom Helm, hal. 23.

⁹⁶ Joesoef Sou'yb (1983), *Agama-agama Besar di Dunia*, hal. 327-328 dan David Hugh Framer (1992), *The Oxford Dictionary of Saint*, hal. 381.

⁹⁷ Muhammad Abū Zuhrah (1965), *al-Diyānah al-Qadīmah*. al-Qahirah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, hal. 83 dan Rouf Shalaby (1972), *Sorotan kepada Agama Masehi*, hal. 71.

kemudiannya dipercayai telah dikebumikan di Gereja Besar Santa Paul di Rom⁹⁸.

2. Keperibadian

St. Paul merupakan seorang yang disenangi di kalangan rakan-rakannya. Beliau dikatakan sebagai seorang yang bijak, petah bercakap dan mempunyai ingatan yang kuat. Oleh itu, beliau mempunyai pengetahuan yang luas di dalam pelbagai bidang terutamanya agama dan falsafah. Di samping itu juga cara hidup St. Paul dipengaruhi oleh tiga bentuk kebudayaan yang utama iaitu Yahudi, Rom dan Greek. Keadaan ini telah memberi banyak kelebihan kepada dirinya, terutamanya di dalam menguasai kebudayaan dan agama Greek, Rom dan falsafah Greek yang terkenal.

Di dalam buku *History of The Christian Church* karangan Philip Scheff menjelaskan bahawa dengan kelebihan yang ada pada dirinya, beliau mampu berdebat dengan ahli mazhab lama agama Yahudi ataupun *Pharisees*. Malahan St. Paul mampu memberi ceramah kepada bangsa Greek menggunakan bahasa tersebut dengan begitu fasih dan indah susunan bahasanya. Beliau juga diberikan kemuliaan dan penghormatan oleh bangsa

⁹⁸ Abujamin Roham (1971), *Antara Bible dan Quran (Pembicaraan di Sekitar Perjanjian Baru dan Qur'an)*. Jakarta: Penerbit Tintamas, hal. 139 dan Khadijah Mohd. Khambali (1993), "Konsep Triniti Menurut Agama Kristian", hal. 126.

Rom yang membolehkannya mengembara dengan selamat ke seluruh Kerajaan Rom⁹⁹ dengan kewarganegaraan Rom yang dimilikinya.

Walaupun persekitarannya dipengaruhi oleh Greek dan Rom, Paul tetap mengaku bahawa beliau merupakan seorang Yahudi yang tulen. Ini dapat dibuktikan melalui kenyataannya yang jelas apabila beliau mendakwa bahawa dirinya adalah “*Hebrew of the Hebrews*”¹⁰⁰ yang bererti Yahudi tulen antara Yahudi lain. Walau dalam apa juapun keadaan, beliau tetap akan berada di puncak. Sebagai contohnya semasa menjadi penganut Kristian, beliau telah menjadi pengasas kepada dunia Kristian yang baru dan moden.

Beliau dikatakan lebih hebat daripada Peter dan John yang merupakan antara para *Hawariyyun* Jesus Christ kerana St. Paul mempunyai pendidikan formal dan kebijaksanaan semulajadi. Berbanding dengan Peter dan John yang hanya mempunyai kebijaksanaan semulajadi sahaja¹⁰¹. Oleh sebab itu, beliau menjadi pengasas kepada akidah dan falsafah Kristian kini. Jikalau beliau masih beragama Yahudi pula, beliau pasti akan menjadi seorang pendita yang hebat atau *great Rabbi* dan lebih hebat daripada gurunya Gamaliel¹⁰².

⁹⁹ Philip Scheff (1995), *History of the Christian Church*. T.T. Charles Scribner's Sons, jilid 1, hal. 287.

¹⁰⁰ *Ibid.*

¹⁰¹ *Ibid.*, hal. 288.

¹⁰² *Ibid.* Penulis tidak menemui tarikh hidup atau mati nama terbabit.

3. Pendidikan St. Paul

Suasana persekitaran St. Paul, baik ketika kecil mahupun dewasa telah mempengaruhi hampir keseluruhan kehidupannya. Semasa kecil, beliau di kelilingi oleh sentuhan Greek dan Rom. Beliau bercampur gaul dengan masyarakat Rom yang mendominasi bandar Tarsus. Oleh kerana pengaruh kebudayaan Greek yang telah lama bertapak di Tarsus turut mempengaruhi masyarakat Yahudi menjadi sebagai Yahudi Hellenik ataupun "*Hellenistic Jews*". Palestine sendiri dilingkungi oleh pelbagai kebudayaan lain yang telah meletakkanya sebagai tumpuan kepada pelbagai jenis kebudayaan dan agama yang wujud di sekitarnya. Terdapat pelbagai tamadun kuno yang wujud dan yang telah pupus, antaranya Mesopotamia, Babylon, Parsi, Kan'an, Phoenicia, Canthaginian atau Afrika Utara, Assyrian dan Indo-Europeans¹⁰³. Ini telah menjadikan bangsa Israel kaya dengan pengetahuan tentang tamadun, kebudayaan dan agama kuno.

Keadaan seperti ini membolehkan St. Paul menjadi seorang yang banyak mengetahui tentang bahasa dan budaya orang-orang bukan Yahudi ataupun *gentiles* terutamanya falsafah dan budaya Greek. Khwaja Kamaluddin di dalam bukunya *The Sources of Christianity* menyatakan bahawa St. Paul seperti telah hilang unsur-unsur Yahudi di dalam dirinya kerana beliau bertutur dan menulis seperti orang-orang Greek dan pengetahuannya mengenai kesusasteraan Greek melebihi daripada

¹⁰³ Ninian Smart (1994), *Religions of the World*. New Jersey: Prentice Hall, hal. 22.

pengetahuannya di dalam kesusasteraan Yahudi. Apatah lagi St. Paul lebih suka menggunakan petikan-petikan Greek walaupun kadangkala ianya bertentangan dengan agama Yahudi¹⁰⁴.

Selain daripada itu, keluarga beliau yang merupakan keturunan suku Benjamin begitu berpegang kuat kepada ajaran Moses dan tradisi-tradisi agama Yahudi yang terdapat di dalam kitab Talmud atau Taurat atau *Torah*. Ini meletakkan St. Paul tidak dapat melaikan diri daripada mengetahui dan mempelajari agama Yahudi. Tambahan pula ayahnya begitu bercita-cita untuk menjadikannya seorang pendita agama Yahudi yang termasyhur.

Ketika beliau berusia 12 tahun, ayahnya menghantar beliau ke Jerusalem untuk menuntut di sekolah tinggi Greek di bawah asuhan seorang pendita Yahudi yang terkenal iaitu Gamaliel¹⁰⁵. Di sana, beliau bukan sahaja mempelajari agama Yahudi bahkan turut mendalami falsafah Greek. Berdasarkan kepada pendidikan dan suasana sekelilingnya, maka tidak hairanlah St. Paul menjadi seorang yang bijak dan berpengetahuan luas di dalam pelbagai ilmu khususnya ilmu agama dan falsafah.

¹⁰⁴ Khwaja Kamaluddin (1925), *The Sources of Christianity*. Woking, London: The Basheer Muslim Library, cet. ke-2, hal. 82.

¹⁰⁵ Abujamin Roham (Drs.) (1984), *Perbicaraan di Sekitar Bible dan Quran dalam Segi Isi dan Riwayat*. Jakarta:Bulan Bintang, hal. 214.

4. St. Paul Memeluk Agama Kristian

Peristiwa pemelukan St. Paul ke dalam agama Kristian merupakan suatu cerita yang masyhur dan telah menjadi satu-satunya bukti yang menunjukkan bahawa beliau telah memeluk agama Kristian. Perkara ini telah menjadi pegangan dan hujah yang utama di kalangan penganut agama Kristian. Peristiwa tersebut banyak diceritakan di dalam *Acts*¹⁰⁶.

Walaupun begitu, keabsahan cerita tersebut boleh dipertikaikan. Ini kerana terdapat pelbagai riwayat dan kisah yang berlainan jalan ceritanya. Bukti yang paling nyata sekali dapat dilihat di dalam *Acts*¹⁰⁷ yang mempunyai versi cerita yang berlainan walaupun membincangkan topik yang sama.

Kisah pertentangan di antara St. Paul dan para penganut agama Kristian menjadi begitu hangat dan telah menimbulkan perasaan dendam yang membuka-membuka di dalam dada St. Paul. Beliau telah meminta kebenaran daripada para pendita Yahudi untuk memburu penganut Kristian yang melarikan diri ke Damsyik. Permintaannya itu dipersetujui dan pendita-pendita Yahudi telah memberinya surat kebenaran untuk menangkap Yahudi Kristian dan membawanya kembali ke Jerusalem.

Setelah mendapat kebenaran, beliau menyiapkan rombongannya dan telah bertolak ke Damsyik. Perjalanan beliau ke Damsyik berlaku di sekitar

¹⁰⁶ Antaranya *The New Testament (Acts. 9:1-19, 22:6-16 & 26:12-18)*.

¹⁰⁷ Keterangan lanjut *infra* bab ini hal. 72-73.

tahun 34M¹⁰⁸. Terdapat pendapat lain menyatakan berlaku pada tahun 38M¹⁰⁹. Ketika sampai di suatu kawasan berhampiran Damsyik dan pada masa itu waktu tengahari, beliau mengalami suatu peristiwa yang amat ganjil. Tiba-tiba penglihatannya menjadi silau akibat pancaran cahaya yang amat terang dari arah langit. Akibatnya beliau jatuh ke tanah dan mendengar suatu suara dari langit

"Saul, Saul, why do you persecute me?"

"Tell me, Lord," he said, "Who you are?"

*The voice answered, "I am Jesus, whom you are persecuting. But get up and go into the city, and you will be told what you have to do."*¹¹⁰

Setelah selesai peristiwa itu, St. Paul bangun, tetapi beliau tidak dapat melihat kesan daripada pancaran cahaya tersebut. Oleh itu beliau terpaksa dipimpin oleh ahli rombungannya memasuki kota Damsyik. Beliau menjadi buta selama tiga hari dan selama itulah juga dia berpuasa. Di Damsyik pula seorang daripada penganut agama Kristian iaitu Ananias (60M)¹¹¹ dikatakan

¹⁰⁸ A. Powell Davies (1959), *The First Christian*; hal. 13.

¹⁰⁹ Ahmad Syalabi (1978), *Muqaranah al-Adyān al-Masihiyyah*, hal. 105.

¹¹⁰ Cerita ini dapat dilihat dengan lebih lanjut di dalam *The New Testament (Acts. 9:1-19, 22:6-16 & 26:12-18)*

¹¹¹ Ananias merupakan salah seorang pendita agama Kristian, tetapi beliau bukanlah merupakan salah seorang daripada 12 orang *apostle* atau rasul-rasul Jesus Christ. Perkataan rasul merupakan terjemahan di dalam bahasa Melayu daripada bahasa Inggeris iaitu *apostle*, manakala di dalam bahasa Arab di sebut dengan *hawariyyun*. Ianya bukanlah bererti rasul utusan Tuhan, malahan maknanya tidak lebih daripada utusan Jesus Christ yang membantu Jesus Christ di dalam menyebarkan dakwahnya ataupun boleh dikatakan sebagai sekumpulan lelaki yang mendapat kemuliaan dan dihantar ataupun diutuskan oleh Jesus Christ sebagai pembantu beliau menyampaikan dakwahnya. J.D Douglas (1965), *The New Bible Dictionary*, hal. 48 dan O.K Rahmat S.H (1976), *Dari Adam Sampai Muhammad*, hal. 380.

telah mendapat amanat daripada Jesus Christ supaya membantunya melihat semula¹¹².

Ananias telah berjumpa St. Paul untuk menyembuhkan semula mata St. Paul dan membaptisnya menjadi seorang Kristian. Setelah pulih dan sihat, St. Paul menetap beberapa hari di Damsyik. Semasa di Damsyik beliau telah mula mengajar dan mula mengisyiharkan bahawa Jesus Christ adalah anak Tuhan. *Acts. 9:19-20* menukilkan:

"Saul spent several days with the disciples in Damascus. At once he began to preach in the synagogues that Jesus is the Son of God."

Namun demikian, kajian ini mendapati bahawa peristiwa tentang pemelukan St. Paul ke dalam agama Kristian disangskakan keabsahannya. Ini kerana di dalam *The New Testament* terdapat pelbagai bentuk penceritaan mengenai peristiwa tersebut yang ditulis oleh orang yang sama iaitu Luke yang turut menulis *Acts*. Rombongan yang mengikutinya ke Damsyik dikatakan turut sama melihat cahaya dan kemungkinan mendengar suara yang berkata-berkata dengan St. Paul. Namun di penceritaan lain menyebut mereka hanya dapat melihat cahaya sahaja tetapi tidak mendengar suara. Manakala terdapat dalam penceritaan yang lain turut menyebut bahawa rombongan yang bersamanya melihat cahaya tetapi tidak dinyatakan samada mendengar suara ataupun tidak. Hal ini dapat dilihat di dalam *Acts. 9:7, 22:9 & 26:13-14*:

"Meanwhile the men who were travelling with him stood speechless; they heard the voice but could not see no one."

¹¹² Lihat *The New Testament (Acts. 9:10-12)*.

"My companions saw the light, but did not hear the voice that spoke to me."

"On one such occasion I was travelling to Damascus with authority from the chief priests; and as I was on my way, Your Majesty, in the middle of the day I saw a light from the sky, more brilliant than the sun, shining all around me and my travelling-companions. We all fell to the ground, and then I heard a voice saying to me in the Jewish language... "

Berdasarkan keterangan-keterangan tersebut memperlihatkan bahawa kisah pemelukan St. Paul adalah satu bentuk penceritaan yang boleh dipertikaikan kesahihannya. Namun jalan cerita yang berbeza tidak menjadi halangan bagi penganut agama Kristian untuk meletakkannya sebagai satu bukti kukuh ke arah pernyataan pemelukan St. Paul ke dalam Kristian. Bahkan ia menjadi titik tolak kepada pelbagai perubahan terhadap ajaran agama Kristian sebagai satu usaha St. Paul meletakkannya sebagai agama universal melalui garapan pelbagai budaya, agama dan falsafah yang diserap masuk ke dalam agama Kristian. Apa yang utama daripada penceritaan tersebut adalah kedudukan St. Paul sebagai penganut Kristian telah membawa perubahan ke dalam agama Kristian.

Kajian ini juga mendapati pemelukan St. Paul ke dalam agama Kristian adalah jelas mempunyai maksud yang tertentu ataupun berniat jahat. Ini kerana bukan mudah seseorang yang berbangsa Yahudi apatah lagi yang mengaku sebagai Yahudi tulen dan bangga dengan keturunannya begitu mudah menukar namanya daripada nama seorang Yahudi kepada nama lain ataupun nama Saul kepada Paul. Yang nyata di sini pertukaran namanya yang

asal kepada nama Latin iaitu Paul adalah menunjukkan kecenderungannya yang sebenar sebagaimana yang dibuktikannya sebelum memeluk agama Kristian iaitu sebagai seorang penentang agama Kristian nombor satu. Ini adalah jelas sebagaimana yang dinyatakan oleh Karl Kautsy di dalam bukunya *Foundations of Christianity. A Study in Christian Origins* bahawa sebarang pertukaran nama adalah biasa dilakukan oleh bangsa Yahudi dengan harapan dapat memainkan peranan di dalam lingkungan bukan bangsa Yahudi¹¹³. Ini jelas menunjukkan peranan yang cuba dimainkan setelah beliau memeluk agama Kristian iaitu menyebarkan agama Kristian di kalangan orang-orang bukan Yahudi ataupun *gentiles* dengan meletakkan ajaran-ajaran baru ke dalamnya yang bersesuaian dengan keadaan masyarakat sekeliling dan menjadikannya agama yang berbentuk universal. Usaha-usaha yang dilakukan oleh St. Paul telah terbukti berkesan dan mendapat penerimaan yang menggalakkan daripada golongan *gentiles*. Ini telah menyerlahkan lagi tujuan sebenar St. Paul memeluk agama Kristian iaitu untuk memusnahkannya dari dalam.

5. Kegiatan / Aktiviti Penyebaran Ajaran

Sebelum St. Paul memeluk agama Kristian, kegiatan penyebaran ajarannya boleh dikatakan tidak begitu menonjol. Apa yang diketahui hanya cerita-cerita beliau melakukan penindasan dan penyiksaan yang berterusan

¹¹³Karl Kautsy (1972), *Faoundations of Christianity. A Study in Christian Origins*. New York: Monthly Review Press, hal. 384.

terhadap penganut agama Kristian sehingga beliau sendiri memeluk agama Kristian, kegiatan penyebaran ajaran St. Paul begitu terserlah.

Hanya setelah tiga hari berlaku peristiwa ganjil tersebut dan setelah dibaptiskan oleh Ananias, beliau terus mula menjalankan penyebaran ajaran Kristiannya. St. Paul dipercayai tidak menuntut dan mempelajari daripada sesiapa walaupun daripada golongan *Hawariyyun* mengenai agama Kristian tetapi beliau terus menyampaikan ajarannya yang pertama di Damsyik sebagai seorang Kristian. Perkara pertama yang dilakukannya ialah mengisyiharkan Jesus Christ itu adalah Anak Tuhan¹¹⁴ setiap kali St. Paul ke gereja-gereja di Damsyik. Seterusnya beliau semakin berani dengan memberikan bukti-buktii yang menunjukkan Jesus Christ ini sebagai penyelamat yang dijanjikan kepada umat manusia. Ajarannya yang cuma beberapa hari disebarluaskan di Damsyik dikatakan semakin mendapat sambutan di kalangan Yahudi Kristian yang terdapat di sana. Namun demikian terdapat juga cubaan untuk membunuhnya. Oleh itu beliau telah diseludup keluar dari Damsyik. Beliau tidak terus kembali ke Jerusalem tetapi meneruskan perjalannya ke negara-negara Arab dengan tujuan mencari ilham¹¹⁵. Antara sebab lain yang boleh diambil kira tentang pemergiannya ke negara-negara Arab ialah di sana telah terdapat penganut Kristian di kalangan orang Yahudi Arab iaitu dua atau tiga tahun selepas ketiadaan Jesus Christ¹¹⁶ dan seterusnya berusaha mendapatkan

¹¹⁴ Untuk keterangan lanjut boleh dirujuk di dalam *The New Testament (Acts. 19:19-20)*.

¹¹⁵ Abujamin Roham (1984), *Perbicaraan di Sekitar Bible dan Qur-an*, hal. 215.

¹¹⁶ J. Spencer Trimingham (1979), *Christianity Among the Arabs in Pre-Islamic Times*. London: Longman Group Limited, hal. 42.

perlindungan daripada mereka. St. Paul kemudiannya kembali semula ke Damsyik dan menetap di sana untuk beberapa lama¹¹⁷.

Setelah tiga tahun berada di Damsyik, St. Paul kembali ke Jerusalem dengan tujuan untuk menarik perhatian Yahudi Kristian di sana. Namun demikian, ajarannya tidak mendapat sambutan, malahan beliau diberi tentangan hebat oleh Yahudi Kristian terutamanya para *apostle* Jesus Christ. Hanya Barnaba sahaja yang berani menerima seorang Kristian. Oleh kerana merasa agak kecewa dengan sambutan yang diberikan beliau pulang ke kampung halamannya di Tarsus dan menetap selama sepuluh tahun di Tarsus sambil mendalami pengetahuannya tentang agama Kristian, ajaran Taurat dan falsafah Greek¹¹⁸.

Kegiatan penyebaran ajaran St. Paul tidak terhenti di kalangan bangsa Yahudi tetapi beliau turut menyebarkannya di kalangan *gentiles* terutamanya bangsa Rom dan ianya banyak berpusat di kota Antioch. Selain daripada Barnaba sebagai rakan seperjuangan, St. Paul mempunyai seorang murid yang bermama Luke dan amat setia kepadanya serta banyak membantunya menjalankan kegiatan penyebaran ajarannya di kalangan *gentiles*. Walaupun Barnaba pada mulanya menyokong St. Paul, tetapi akhirnya beliau menentang apa yang dilakukan oleh St. Paul dan memisahkan dirinya daripada St. Paul.

¹¹⁷ Untuk mengetahui dengan lebih lanjut sila lihat *The New Testament (Galatians 1:17-19)*

¹¹⁸ Hasbullah Bakri (1968), *Nabi Isa dalam Al-Qur'an dan Nabi Muhammad dalam Bibel*. T.T: Penerbit Ab. Sitti Syamsiah Solo, cet. ke-3, hal. 66.

Peristiwa perpisahan St. Paul dan Barnaba telah dirakamkan oleh St. Paul di dalam *Acts. 15:39-40*:

"Some time later Paul said to Barnabas, 'Let us go back and visit the brothers in all the towns where we preached the word of the Lord and see how they are doing.' Barnabas wanted to take John, also called Mark, with them, but Paul did not think it wise to take him, because he had deserted them in Pamphylia and had not continued with them in the work. They had such a sharp disagreement that they parted company. Barnabas took Mark and sailed for Cyprus, but Paul choose Silas and left, commended by the brothers to the grace of the Lord. He went through Syria and Cilicia, strengthening the churces."

Walaupun Barnaba telah memisahkan dirinya daripada St. Paul, St. Paul masih tetap meneruskan penyebaran ajarannya tanpa bantuan Barnaba, dan hal ini berterusan sehingga beliau menemui ajalnya pada tahun 66M atau 67M.

Berdasarkan sejarah St. Paul memperlihatkan wujudnya golongan penentang dan penerima ajaran-ajaran yang dibawanya. Berlakunya penolakan para Yahudi Kristian terhadap St. Paul ialah kerana ajaran dan dakwaan yang dibawanya begitu berbeza daripada ajaran yang dibawa oleh Jesus Christ dan yang terkandung di dalam kitab Taurat. Walaupun demikian, ajaran Kristian "ala St. Paul" ini berjaya memikat generasi baru Yahudi dan orang-orang yang bukan Yahudi atau *gentiles* kerana konsep ajaran yang diperkenalkan oleh St. Paul selari dengan anutan kepercayaan mereka yang rata-ratanya menganuti fahaman dan falsafah lama seperti masyarakat Rom yang mempercayai Tuhan memiliki anak dan sebagainya. Oleh itu, ianya banyak tersebar keluar

daripada bumi Palestine terutamanya ke kawasan Asia Kecil dan Eropah. Walaupun begitu jumlahnya masih kecil. Ini kerana masih berlaku pertentangan antara Yahudi Kristian dan Kristian "ala St. Paul". Punca berlakunya pertentangan ini disebabkan ajaran-ajaran St. Paul yang begitu asing dan berbeda daripada ajaran-ajaran Jesus Christ dan ajaran-ajaran Taurat. Contohnya:

1. St. Paul menentang kewajipan bersunat bagi *gentiles*, tetapi murid-murid Jesus Christ tetap mempertahankan kewajipan bersunat kerana ianya merupakan salah satu daripada kewajipan dalam hukum Taurat¹¹⁹.
2. St. Paul membelakangi hukum Taurat¹²⁰ dan beliau menolak kesemuanya sedangkan murid-murid Jesus Christ malahan Jesus Christ sendiri tetap mempertahankan hukum Taurat¹²¹.
3. Murid-murid Jesus Christ mengajarkan bahawa Jesus Christ itu adalah anak manusia¹²²(hamba Tuhan), tetapi St. Paul mengajarkan Jesus Christ adalah anak Tuhan¹²³.
4. Agama Kristian adalah untuk orang Yahudi sahaja¹²⁴, sedangkan St. Paul menjadikannya sebagai agama untuk seluruh bangsa¹²⁵ yang bersifat sejagat.

¹¹⁹ Lihat *The New Testament (Acts 15:1-2)*

¹²⁰ Lihat *The New Testament (Acts 21:27-28)* dan *(Romans 3:28)*

¹²¹ Lihat *The New Testament (Matthew 5:17-19)*

¹²² Lihat *The New Testament (Acts 7:56)*

¹²³ Lihat *The New Testament (Galatians 2:20-21, & 1:15-16)*

¹²⁴ Lihat *The New Testament (Matthew 10:5)*

¹²⁵ Lihat *The New Testament (Acts 15:7)*

Berdasarkan kepada beberapa perkara di atas, dapat dilihat bahawa perpisahan St. Paul dengan Barnaba bukan hanya semata-mata didasari oleh perselisihan faham tentang siapakah yang berhak dibawa bersama untuk menjalankan kegiatan dakwah sebagaimana yang dinyatakan oleh St. Paul¹²⁶. Malahan sebab perpisahan tersebut lebih kepada perubahan-perubahan dan penambahan-penambahan yang dilakukan oleh St. Paul yang mengakibatkan keaslian agama Kristian menjadi pertikaian. Hal ini diperkuatkan lagi melalui kenyataan Marta Sordi di dalam bukunya *The Christian and the Roman Empire* menyebut bahawa golongan Yahudi Kristian pernah mengadu kepada James iaitu salah seorang *apostle* Jesus Christ tentang perlakuan St. Paul yang mengajarkan perkara-perkara yang bertentangan daripada ajaran Moses. Justeru, James menasihatkan St. Paul agar menunjukkan kesetiaannya terhadap undang-undang Moses dengan melakukan sembahyang di hadapan umum di dalam rumah ibadat ataupun *temple*¹²⁷.

Ajaran-ajaran St. Paul hanya mendapat sambutan selepas kematiannya dan selepas tahun 70M¹²⁸ iaitu selepas kemusnahan kota Jerusalem¹²⁹. Peristiwa tersebut telah menghilangkan kuasa dan pengaruh gereja di Jerusalem yang dikenali sebagai *Mother Church* yang mengakibatkan hilangnya peranan Yahudi Kristian kerana diambil alih oleh orang-orang

¹²⁶ Lihat *The New Testamen (Acts. 15:39-40)*.

¹²⁷ Marta Sordi (1983), *The Christians and the Roman Empire*, hal. 200.

¹²⁸ Maurice Bucaille (1978), *The Bible, The Qur'an and Science*; (diterjemahkan oleh Alastair D. Pannell dan Maurice Bucaille daripada bahasa Perancis dengan teks asal *La bible, le Coran et la Science*). T.T: North American Trust Publication, hal. 52.

¹²⁹ Ahmad Thomson (1989), *Blood on the Cross*, hal. 17.

bukan Yahudi yang beragama Kristian¹³⁰. Apatah lagi, ramai di kalangan Yahudi Kristian mati terbunuh ketika pemberontakan bangsa Yahudi menentang Kerajaan Rom pada tahun 70 Masehi dan juga penentangan pada tahun 132M¹³¹. Peluang ini telah diambil kesempatan oleh para pengikut St. Paul yang terdiri daripada masyarakat *gentiles* untuk mengembangkan ajaran St. Paul yang lebih mengutamakan Jesus Christ sebagai asas pokok ajarannya dan bukannya mengutamakan Kerajaan Tuhan¹³² sebagaimana yang diajarkan oleh Jesus Christ. Seterusnya merubah ruang lingkup agama Kristian dari bersifat kebangsaan dan setempat iaitu khusus kepada bangsa Yahudi sahaja menjadi agama yang berbentuk universal¹³³ ataupun sejagat iaitu terbuka kepada semua kaum dan bangsa. Kesannya dapat dilihat apabila di sepanjang abad pertama Masehi agama Kristian telah berkembang dari Jerusalem ke Rom dan dari Rom hingga ke sempadan Empayar Rom¹³⁴.

Berdasarkan daripada usaha St. Paul menyebarkan ajaran-ajaran barunya dan mendapat bantuan yang kuat daripada pembantu-pembantu setianya seperti Silas dan Luke, St. Paul telah dapat menguasai masyarakat seperti di Syria, Cilicia, Timur Greek, Ephesus dan Jerusalem. Masyarakat

¹³⁰ S.G.F Brandon (1969), *Religion in Ancient History*, hal. 281.

¹³¹ Loc.cit, *Blood on the Cross*, hal. 17.

¹³² Kerajaan Tuhan ataupun *Kingdom of God* boleh juga diertikan sebagai Kerajaan Akhirat ataupun *Kingdom of Heaven* iaitu tempat di mana Tuhan memberi pembalasan terhadap perbuatan manusia di dunia dan juga sebagai tempat berkumpulnya pengikut-pengikut Jesus Christ. J. D Douglas (1965), *The New Bible Dictionary*, hal. 693 & 695. Penggunaan perkataan *Kingdom of God/Heaven* terdapat juga di dalam *The New Testament*. Sebagai contoh lihat dalam *Matthew 5:3* dan *Luke 6:20*.

¹³³ S.G.F Brandon (1969), *Religion in Ancient History*, hal. 281.

¹³⁴ J. Spencer Trimingham (1979), *Christianity Among the Arabs in Pre-Islamic Times*, hal. 589.

tersebut mudah menerima ajaran baru St. Paul kerana ianya selaras dengan anutan kepercayaan mereka khususnya tentang doktrin penebusan dosa melalui pengorbanan darah. Kebijaksanaan St. Paul menggarap falsafah dan ajaran agama-agama Pagan dan disesuaikan dengan ajaran Kristian telah meletakkan agama Kristian menjadi agama universal iaitu agama yang terbuka dan tidak lagi terbatas kepada masyarakat Yahudi semata-mata seperti konsep ajarannya yang asal. Justeru, memahami bentuk-bentuk ajaran baru yang diperkenalkan oleh St. Paul adalah penting untuk terus memahami kedudukan agama Kristian kini.

6. Ajaran-ajaran St. Paul

Melalui perbincangan yang telah lalu memperlihatkan bahawa St. Paul telah membawa pelbagai perkara baru ke dalam agama Kristian yang jelas bertentangan dengan apa yang diyakini oleh para penganut asal agama Kristian. Justeru, tidak hairanlah beliau sentiasa mendapat tentangan daripada Yahudi Kristian dan juga penganut agama Yahudi. Keseluruhan ajarannya telah menjadi tonggak dan pokok kepada akidah dan falsafah agama Kristian kini dan ianya diluluskan melalui persidangan-persidangan gereja sedunia yang kebanyakannya dikuasai oleh para pengikut St. Paul. Oleh kerana itu selayaknyalah beliau dikatakan sebagai pengasas kepada akidah dan falsafah agama Kristian kini dan dengan lebih tepat lagi sebagai pengasas kepada agama Kristian kini.

Berikut ini dinyatakan beberapa pokok ajaran St. Paul, antaranya¹³⁵:

1. Agama Kristian bukan hanya untuk orang Yahudi sahaja, tetapi juga untuk seluruh bangsa¹³⁶.
2. Memperkenalkan konsep triniti, iaitu Tuhan itu terdiri daripada tiga oknum yang bergabung menjadi satu (Tuhan, Jesus Christ, Rohul Kudus)¹³⁷.
3. Kelahiran Jesus Christ sebagai Anak Tuhan, lahir dengan rupa manusia, turun ke bumi untuk mengorbankan dirinya di tiang salib sebagai penebus dosa seluruh umat manusia¹³⁸.
4. Jesus Christ bangkit semula dari kuburnya dan naik ke langit serta duduk di kanan Tuhan Bapa¹³⁹ untuk memerintah seluruh manusia¹⁴⁰.

¹³⁵ Stephen F. Brown (1991), *Christianity World Religions*, hal. 32-33 dan Agus Hakim (1990), *Perbandingan Agama*, hal. 106.

¹³⁶ Lihat di dalam *The New Testament (Galatians 3:28)*, (*Colossians 3:11*) dan (*Romans 10:12*). Perkara tersebut lebih jelas lagi apabila hampir kesemua *Epistles of Paul* di tulis kepada orang-orang *gentile* seperti *Corinthians*, *Galatians*, *Ephesians*, *Philipians*, *Colossians*, *Thessalonians*, *Titus* dan *Philemon*.

¹³⁷ Lihat *The New Testament (Acts. 5:3-4)*, (*Romans 1:17 & 9:5*), (*1 Corinthians 2:9-10*), (*2 Corinthians 13:14*) dan (*Hebrew 1:8*). Di dalam bahasa Greek, God disebut *theos*, Lord (Jesus Christ) disebut *kyrios* dan Spirit (*Holy Spirit*) disebut *pneuma*. J. Greesham Machen (1951), *What is Christianity and other Addresses*. Michigan: WM. B. Erdmans Publishing Company, hal. 42.

¹³⁸ Lihat *The New Testament (Romans 5:8)*, (*1 Corinthians 15:3*), (*1 Timothy 1:15 & 2:4*), (*Titus 2:13*) dan (*Hebrew 4:15*).

¹³⁹ Perkataan Tuhan Bapa merupakan terjemahan daripada bahawa Inggeris iaitu *god Father*. Tuhan Bapa merupakan pencipta alam semesta dan yang juga menjadikan Tuhan Anak iaitu Jesus Christ. O.K Rahmat S.H (1976), *Dari Adam Sampai Muhammad*, hal. 444. Penggunaan perkataan Tuhan Bapa juga adalah untuk menggambarkan betapa rapat, unik dan istimewanya hubungan Tuhan dengan Jesus Christ. Keunikan hubungan tersebut ialah ianya tidak dapat dikongsi oleh orang lain melainkan Jesus Christ dan Tuhan sahaja. Tuhan merupakan bapa kepada Jesus Christ di dalam hubungan yang kekal abadi, penting dan infiniti. J.D Douglas (1965), *The New Bible Dictionary*, hal. 477.

¹⁴⁰ Lihat *The New Testament (Acts. 17:31)*, (*1 Corinthians 15:3 & 24-25*), (*Ephesians 1:20*) dan (*2 Timothy 4:1*).

Berdasarkan pokok ajaran tersebut ianya telah disimpulkan menjadi akidah utama agama Kristian, iaitu¹⁴¹:

1. Keyakinan kepada triniti.
2. Meyakini bahawa Jesus Christ adalah anak Tuhan yang lahir ke dunia ini dengan rupa manusia dan menjadi penebus dosa manusia yang diwarisinya daripada Adam dan Eve.
3. Tuhan Bapa menyerahkan kepada Tuhan Anak pertimbangan tentang dosa manusia kerana pada suatu ketika ia akan lahir juga dengan rupa manusia dan ia lebih dekat dan lebih mengetahui tentang hal manusia.

Selain daripada itu terdapat ajaran-ajaran hasil daripada percampuran ajaran-ajaran di atas dan ia menjadi ajaran penting di dalam agama Kristian yang dikenali sebagai tujuh doktrin, iaitu¹⁴²:

1. Dosa Warisan atau *Inherited Sin*¹⁴³
2. Anak Tuhan atau *Son of God*¹⁴⁴
3. Penjelmaan atau *Incarnation*: bahawa anak sulung Tuhan iaitu Jesus Christ telah menjelmakan dirinya di muka bumi melalui keturunan David.¹⁴⁵
4. Pensaliban atau *Crucifixion*¹⁴⁶

¹⁴¹ Agus Hakim (1990), *Perbandingan Agama*, hal. 107.

¹⁴² Joesoef Sou'yb (1983), *Agama-agama Besar di Dunia*, hal. 328.

¹⁴³ Lihat *The New Testament (Romans 5:12-18), (1 Corinthians 15:21-26)*.

¹⁴⁴ Lihat *The New Testament (1 Corinthians 8:6)*.

¹⁴⁵ Lihat *The New Testament (Galatians 4:4-5), (Romans 1:3-4), (Colossians 1:15), (Hebrews 1:3)*.

¹⁴⁶ Lihat *The New Testament (1 Corinthians 1:18-23), (Romans 5:8), (1 Timothy 1:15)*

5. Penebusan atau *Redemption*¹⁴⁷
6. Kebangkitan semula atau *Resurrection*¹⁴⁸
7. Naik ke langit dan bersemayam di sebelah kanan Tuhan Bapa¹⁴⁹.

Berasaskan kedudukan kedudukan doktrin-doktrin tersebut jelas menunjukkan bahawa doktrin dosa warisan adalah doktrin utama dan dasar kepada perlaksanaan doktrin-doktrin yang seterusnya. Ini kerana, doktrin ini merupakan perkara pokok di dalam akidah agama Kristian. Perkaitan doktrin dosa warisan dengan doktrin-doktrin yang lain amatlah intim kerana selain ia adalah asas dan dasar kepada kewujudan doktrin-doktrin lain dalam agama Kristian kini. Doktrin dosa warisan adalah titik tolak kepada keseluruhan perlaksanaan praktikal dan ritual-ritual agama Kristian. Secara umumnya, segala bentuk praktikal dan ritual keagamaan Kristian kini diasaskan kepada doktrin dosa warisan. Sebagai contoh, kewujudan doktrin triniti yang meletakkan kepercayaan kepada Tuhan yang satu hanya dapat difahami melalui kepercayaan kepada Jesus Christ kerana ia adalah *messiah* dan *saviour* yang mengorbankan dirinya di tiang salib demi menghapuskan dosa warisan manusia sejagat. Rohul Kudus ataupun *The Holy Spirit* adalah pembimbingnya dan pembimbing manusia sejagat agar terus intim dan yakin dengan ajaran Jesus Christ. Kasih sayang Tuhan tercerna melalui sifat-Nya

¹⁴⁷ Lihat *The New Testament (Romans 5:18 & 6:10-11), (1 Corinthians 5-14), (1 Timothy 2:6)*

¹⁴⁸ Lihat *The New Testament (1 Corinthians 15:6 & 13-20), (2 Timothy 2:8)* dan *(Romans 6:4-18 & 10:9)*.

¹⁴⁹ Lihat *The New Testament (Ephesians 1:19-20)* dan *(Colossians 3:1)*

yang Penyayang kerana mengurniakan Jesus Christ menghapuskan dosa manusia akibat perbuatan Adam dan Eve. Justeru daripada manusia berdosa menjadi manusia suci semata-mata pengorbanan Jesus Christ. Oleh itu, doktrin dosa warisan adalah titik tolak kepada perlaksanaan doktrin-doktrin yang lain dalam agama Kristian dan sekaligus menjadi dasar kepada kewujudan doktrin-doktrin agama Kristian kini¹⁵⁰.

D. SUMBER-SUMBER AGAMA KRISTIAN KINI

Secara jelasnya sumber-sumber yang menjadi sumber utama di dalam agama Kristian hanya dua sahaja iaitu *The Old Testament* atau Perjanjian Lama dan *The New Testament* atau Perjanjian Baru. Perkataan *testament* berasal daripada bahasa Greek *testamentum* yang bermaksud *covenant* atau perjanjian¹⁵¹. *Testament* yang bermaksud perjanjian ini menonjolkan perjanjian di antara Bani Israel dan Tuhan Yahweh yang terangkum di dalam *Old Testament* yang mengandungi sepuluh perintah atau *10 commandments* seperti yang terkandung di dalam *Genesis 20:1-12* dan *Deutronomy 5:1-21*.

Di dalam *The New Testament* pula, terdapatnya ketetapan-ketetapan yang diberikan oleh Tuhan kepada Jesus Christ dan segala ketetapan itu merupakan suatu *testament* atau perjanjian¹⁵². Justeru, ia dikenali sebagai suatu bentuk perjanjian di antara Tuhan dan Jesus Christ kepada masyarakat

¹⁵⁰ Khadijah Mohd. Khambali (1993), "Konsep Triniti Menurut Kristian", hal. 70-71.

¹⁵¹ J. Benton White (1986), *From Adam to Armageddon*. California: Wadsworth Publishing Company, hal. 6.

¹⁵² Agus Hakim (1990), *Perbandingan Agama*, hal. 317.

Bani Israel. Perjanjian tersebut telah dirangkumkan dalam bentuk Bible. Perkataan Bible berasal daripada perkataan Yunani iaitu *biblos* atau *bublos* yang bererti kulit yang menutupi lembaran-lembaran *papyrus* yang dijadikan sebagai buku di zaman purba¹⁵³. Berdasarkan pengertian tersebut, kitab suci agama Kristian lebih dikenali sebagai Bible yang bermaksud kitab yang mengandungi amanat-amanat dan perjanjian suci di antara Tuhan Yahweh dan Bani Israel dikenali sebagai *Bible The Old Testament*, manakala perjanjian suci antara Jesus Christ dan Tuhan dikenali sebagai *Bible The New Testament*. Justeru Bible bermaksud kitab suci penganut agama Kristian yang mengandungi perintah-perintah Tuhan¹⁵⁴. Ini kerana masyarakat Kristian mempercayai bahawa Bible yang merupakan kitab suci agama Kristian adalah wahyu daripada Tuhan berdasarkan keterangan yang terdapat di dalam 2 *Timothy 3:16* yang menyatakan bahawa ianya adalah inspirasi daripada Tuhan:

"All Scripture is God-breathed and is useful for teaching, rebuking, correcting and training in righteousness".

Justeru, keterangan di atas membuktikan bahawa apa sahaja kandungan yang terdapat di dalam Bible baik di dalam *The Old Testament* mahupun *The New Testament* adalah wahyu ataupun inspirasi daripada Tuhan. Justeru, agama Kristian meyakini Bible adalah kitab suci yang perlu diyakini.

¹⁵³ J.D Douglas (1965), *The New Bible Dictionary*, hal. 49 dan Khadijah Mohd. Khambali (1993), "Konsep Triniti Menurut Agama Kristian", hal. 5.

¹⁵⁴ Walter Farquhar Hook (1852), *A Church Dictionary*, hal. 84.

Selain daripada dua bahagian Bible tersebut, terdapat beberapa buah bible, *gospel*¹⁵⁵ dan surat-surat kiriman yang menjadi sumber agama Kristian. Namun ianya telah dibatalkan dan diharamkan oleh pesidangan-pesidangan gereja semenjak abad ke-4M. Antaranya ialah¹⁵⁶:

1. *Gospel Peter*
2. *Gospel Kopty (Evangely Aegiptisch)*
3. *Ibrani (Hebrew)*
4. *Bible Barnaba* yang dikarang oleh Barnaba
5. Surat-surat kiriman Barnaba

Walaupun begitu, Bible Barnaba telah ditemui semula dan ianya memeranjatkan dunia Kristian kini. Ini kerana Bible Barnaba telah menjelaskan segala bentuk ajaran Jesus Christ yang asal sebagai penolakan terhadap ajaran-ajaran St. Paul dan sekaligus ia merupakan objektif utama Bible Barnaba ditulis. Berdasarkan perbincangan tersebut, penulis akan menumpukan kajian selanjutnya berkaitan sumber-sumber agama Kristian iaitu *The Old Testament* dan *The New Testament* yang diletakkan sebagai rujukan agama Kristian kini dan turut melihat Bible Barnaba sebagai perbandingan atas sifatnya yang ditolak sebagai rujukan

¹⁵⁵ *Gospel* merupakan perkataan Greek yang bererti berita baik dan bagi *Gospel* Kristian ianya merupakan berita-berita baik yang Tuhan berjanji untuk menunaikannya. Penunaian ini hanya melalui Jesus Christ sahaja yang dikatakan sebagai penyelamat. Secara khususnya perkataan *gospel* ini digunakan untuk empat *Gospel* di dalam *The New Testament* iaitu *Matthew*, *Mark*, *Luke* dan *John* yang mana terkandung di dalamnya berita-berita baik. Arthur A. Jones (1982), *Illustrated Dictionary of World Religions*. (T.T): The Religious Education Press, hal. 93.

¹⁵⁶ Joesoef Sou'yb (1983), *Agama-agama Besar di Dunia*, hal. 97.

1. *The Old Testament*

The Old Testament ataupun *Old Testament* merupakan panggilan yang diberikan oleh orang-orang Kristian kepada kitab Bani Israel. Di dalamnya terkandung kumpulan *gospel*, surat-surat, kisah-kisah dan wasiat-wasiat dari nabi-nabi Bani Israel, sejarah dari hakim-hakim dan raja-raja Bani Israel yang bermula dari Moses hingga sebelum lahirnya Jesus Christ. Pada peringkat awal, *The Old Testament* hanya mengandungi *Torah* yang terdiri daripada lima naskhah kitab suci atau *asfar* atau turut dikenali sebagai *pentateuch*¹⁵⁷ yang bermaksud lima jilid ataupun lima buku dan dikenali juga sebagai "five-fifth of the law"¹⁵⁸ iaitu:

1. *Genesis* atau Kitab Kejadian; terkandung di dalamnya riwayat mengenai kejadian langit dan bumi dan kisah nabi Adam a.s hingga kepada nabi Yusuf a.s.
2. *Exodus* atau Kitab Keluaran; terkandung di dalamnya tentang sejarah Bani Israel ketika berada di Mesir sehingga keluar dari Mesir.
3. *Leviticus* atau Kitab Imamat orang Lewi; terkandung di dalamnya beberapa syariat hukum agama Israel
4. *Numbers* atau Kitab Bilangan; terkandung di dalamnya sumber-sumber hukum bangsa Yahudi dan sumber sejarah Bani Israel.
5. *Deuteronomy* atau kitab Ulangan; terkandung di dalamnya sumber-sumber hukum bagi bangsa Yahudi dan sumber sejarah Bani Israel.

¹⁵⁷ *Pentateuch* merupakan perkataan Greek iaitu *pentateuchos* dan penggunaannya ditujukan kepada kumpulan lima buah buku yang dipercayai wahyu Tuhan kepada nabi Musa a.s. Walter Farquhar Hook (1852), *A Church Dictionary*, hal. 472.

¹⁵⁸ J.D. Douglas (19650, *The New Bible Dictionary*, hal. 957.

Menurut sejarah, kitab Taurat atau *Torah* yang ditulis oleh Moses telah musnah sama sekali ketika Palestine diserang dan ditawan oleh bangsa Babylon¹⁵⁹. Apatah lagi hanya terdapat senaskhah kitab *Torah* yang ditulis sendiri oleh Moses. Usaha penulisan semula hanya dapat dilakukan apabila bangsa Yahudi pulang dari pembuangan ataupun *exile*¹⁶⁰ selama 70 tahun ke negara Babylon¹⁶¹.

Usaha tersebut dilakukan oleh Ezra (dipercayai hidup diantara kurun ke-4SM atau ke-5SM) yang merupakan imam besar bangsa Yahudi yang baru pulang dari Babylon. Selain daripada itu, usaha beliau juga mendapat galakan daripada maharaja Parsi iaitu Artaxerxes¹⁶². Tanpa adanya rujukan kepada naskhah yang asli, beliau dapat menulis kitab *Torah* semula hanya berdasarkan kepada ingatannya semata-mata dan hukum-hukum yang jelas dan terkenal di kalangan masyarakat umum sahaja¹⁶³. Oleh itu, kebarangkalian untuk berlakunya penyelewengan dan tokok tambah adalah amat besar. Ini kerana sesuatu yang hanya didasari oleh ingatan dan pandangan umum sahaja tidak cukup tanpa adanya suatu asas yang lengkap dan kukuh yang boleh dijadikan panduan.

¹⁵⁹ Agus Hakim (1990), *Perbandingan Agama*, hal. 76.

¹⁶⁰ J.D. Douglas (1965), *The New Bible Dictionary*, hal. 582.

¹⁶¹ *Ibid*.

¹⁶² Tarikh hidup atau mati Artaxerxes tidak ditemui.

¹⁶³ Kisah tentang usaha Ezra menulis kitab Taurat semula selepas pulang dari pembuangan ke Babylon dapat dilihat di dalam *The Old Testament (Ezra)*.

Selain daripada lima kitab atau *asfar* yang utama yang tersebut di atas, terdapat 34 buah kitab atau *asfar* lampiran *Torah* yang terkandung di dalam kitab *Torah* atau *The Old Testament* yang menjadi pegangan orang-orang Yahudi. Kitab-kitab ini merupakan kumpulan pelbagai catatan sejarah, riwayat dan kisah-kisah, wasiat dan pengajaran dari para nabi Bani Israel yang bermula dari nabi Musa a.s hingga ke zaman sebelum lahirnya Jesus Christ, riwayat dan cerita raja-raja, pendita dan orang-orang terkemuka Bani Israel.

Walaupun begitu, kitab-kitab atau *asfar* tersebut bukanlah merupakan wahyu daripada Allah s.w.t sebagaimana lima kitab atau *asfar* yang terdahulu atau dikenali sebagai *Torah*. Ia hanya merupakan catatan riwayat menurut pandangan bangsa Yahudi dan dianggap suci sepertimana lima kitab atau *asfar* *Torah*. Justeru, jumlah keseluruhan kandungan *The Old Testament* adalah 39 buah kitab yang dibahagikan kepada beberapa bahagian utama.

Ini bererti isi kandungan kitab lampiran *Torah* adalah terdiri daripada kitab-kitab *Joshua*, *Judges*, *Ruth*, *1 Samuel*, *2 Samuel*, *1 Kings*, *2 Kings*, *1 Chronicles*, *2 Chronicles*, *Ezra*, *Nehemiah*, *Esther*, *Job*, *Psalms*, *Proverbs*, *Ecclesiastes*, *Song of Songs*, *Isaiah*, *Jeremiah*, *Lamentations*, *Ezekial*, *Daniel*, *Hosea*, *Joel*, *Amos*, *Obadiah*, *Jonah*, *Micah*, *Nahum*, *Habakkuk*, *Zephaniah*, *Haggai*, *Zecharia*, *Malachi*¹⁶⁴.

¹⁶⁴ Lihat *The Holy Bible. New International Version*, hal. contents

Memandangkan kepada isi kandungannya, *The Old Testament* merupakan antara kitab rujukan asas yang terpenting di dalam agama Kristian. Walaupun demikian kedudukannya sebagai kitab rujukan utama adalah tidak melebihi *The New Testament*. Ini kerana *The Old Testament* hanya merupakan kitab yang banyak menceritakan tentang latar belakang bangsa Bani Israel. Namun, bahan sejarah tersebut banyak membantu di dalam meramal tentang kedatangan *Messiah* yang dikatakan khusus ditujukan kepada Jesus Christ dan pembentukan doktrin yang penting di dalam agama Kristian. Sebagai contoh, kitab atau *asfar Psalm* banyak digunakan di dalam upacara-upacara sembahyang. Manakala kitab atau *asfar Daniel* adalah antara kitab yang popular kerana nabi Daniel dikatakan telah meramalkan kedatangan seorang *Messiah* yang akan menjadi raja dan penyelamat kepada bangsa Yahudi. Ramalan beliau dikatakan ditujukan khusus kepada Jesus Christ. Antaranya sebagaimana yang dinyatakan oleh Daniel di dalam mimpiinya yang terdapat di dalam *Daniel 7:13-14*:

"In my vision at night I looked, and there before me was one like a son of man, coming with the clouds of heaven. He approached the Ancient of Days and was led into his presence. He was given authority, glory and sovereign power; all peoples, nations and men of every language worshipped him. His dominion is an everlasting dominion that will not pass away, and his kingdom is one that will never be destroyed."

Selain daripada itu, *The Old Testament* juga dikatakan telah meletakkan batu asas kepada wujudnya doktrin dosa warisan di dalam agama

Kristian. Sebagaimana yang akan diperjelaskan di dalam bab 2 nanti¹⁶⁵. Dosa warisan dikatakan berasal daripada kesalahan Adam dan Eve memakan buah dari pohon larangan. Peristiwa ini jelas dipaparkan di dalam *The Old Testament (Genesis 3:1-24)*. Justeru, atas dasar-dasar tersebut *The Old Testament* telah diletakkan sebagai rujukan utama agama Kristian.

2. The New Testament

The New Testament yang dinisbahkan kepada Jesus Christ merupakan rujukan utama agama Kristian. *The New Testament* merupakan rangkaian karangan penganut agama Kristian. Ianya ditulis oleh cendikiawan Kristian selepas ketiadaan Jesus Christ dengan kadar masa yang agak jauh daripadanya iaitu hampir satu abad. Secara umumnya kitab ini mengandungi *Gospel*, himpunan surat-surat, riwayat-riwayat dan wahyu. *Gospel-gospel* yang terdapat di dalamnya merupakan *gospel-gospel* yang diiktiraf oleh pihak tertinggi gereja sahaja. Manakala *gospel-gospel* yang lain telah ditolak dan dihapuskan sebelumnya yang telah disebut terdahulu daripada ini. (hal. 87).

The New Testament ini boleh dibahagikan kepada empat bahagian utama, iaitu:

1. Bahagian himpunan *gospel* yang terdiri daripada empat *gospel* utama iaitu:
 - i) *Gospel Matthew* karya Matthew

¹⁶⁵ Keterangan lanjut *infra* bab 2 hal. 107-119.

- ii) *Gospel Mark* karya Mark
 - iii) *Gospel Luke* karya Luke
 - iv) *Gospel John* karya John
2. Bahagian *Acts of Apostles* atau lebih dikenali sebagai *Acts* atau Kisah Rasul-rasul terdiri daripada sebuah kitab sahaja iaitu karya Luke.
3. Bahagian *Epistles* atau Himpunan Surat-surat Kiriman yang mengandungi 14 surat kiriman St. Paul dan beberapa surat lain hasil karya pembantu-pembantu St. Paul.
- Antara 14 *Epistles of Paul* ialah *Romans*, *1 Corinthians*, *2 Corinthians*, *Galatians*, *Ephesians*, *Philippians*, *Colossians*, *1 Thessalonians*, *2 Thessalonians*, *1 Timothy*, *2 Timothy*, *Titus*, *Philemon* dan *Hebrews*.
- Manakala surat-surat lain pula ialah setiap satunya sebuah daripada surat kiriman James (*James*), surat kiriman Peter (*1 Peter* dan *2 Peter*), surat kiriman John (*1 John*, *2 John* dan *3 John*) dan surat kiriman Jude (*Jude*).
4. Bahagian wahyu atau *Apocalypse* atau dikenali juga dengan *Revelation* terdiri daripada sebuah kitab sahaja iaitu karya John.

Secara keseluruhannya *gospel-gospel* tersebut ditulis dalam jarak masa yang agak jauh daripada masa hidup Jesus Christ. *Gospel* yang paling awal ditulis hanya kira-kira 60 tahun selepas ketiadaan Jesus Christ¹⁶⁶. S.G.F

¹⁶⁶ Ahmad ḡAbd al-Wahab (1978), *Dirāsah fi al-Adyān al-Masīḥī fī Maṣādir al-‘Aqā’id al-Masīhiyyah Khulāṣah Abhāth ‘Ulamā’ al-Masīhiyyah fī al-Gharb*. Qahirah: Maktabah Wahbah, hal. 48.

Brandon di dalam bukunya *Religion in Ancient History* menyatakan bahawa *gospel* yang terawal di tulis di sekitar tahun 65M hingga 75M ialah *gospel Mark*¹⁶⁷. Namun begitu Rahmatullah al-Hindi di dalam bukunya *Izhar al-Haq* memberikan tarikh yang lebih awal bagi penulisan *gospel* terawal iaitu pada tahun 41M dan *gospel* yang dimaksudkan ialah *gospel Mark*¹⁶⁸.

Terdapat banyak sebab yang menyebabkan ianya begitu lewat ditulis antaranya amat kurang golongan cerdik pandai di kalangan penganut Yahudi Kristian pada masa itu. Selain daripada itu para penganut awal Kristian atau *early Christians* kebanyakannya adalah masyarakat biasa yang miskin dan keseluruhannya adalah buta huruf. Pada masa itu juga, alat tulis merupakan alat eksklusif untuk golongan atasan¹⁶⁹. Oleh kerana itu, penulisan merupakan kemahiran yang hanya diperolehi oleh golongan atasan yang kaya raya. Manakala masyarakat biasa adalah golongan yang buta huruf walaupun mereka merupakan penganut awal Kristian. Oleh itu kitab *gospel* tidak dapat ditulis sehinggalah St. Paul menyebarluaskan agama ini dan pengikut-pengikutnya pula terdiri daripada kalangan yang terpelajar.

Melalui pengkajian ini didapati isi kandungan *The New Testament* didominasikan oleh *Epistles of Paul* berbanding *gospel-gospel* dan bahagian yang lain. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui jumlah surat-surat tersebut

¹⁶⁷ S.G.F Brandon (1969), *Religion in Ancient History*, hal. 275.

¹⁶⁸ Rahmat Allah ibn Khalil al-Rahmān al-Kiranawī al-Uthmānī al-Hindi (1994), *Iżħār al-Haq*, al-Qahirah: Dār al-Hadīth, jilid 1, hal. 151.

¹⁶⁹ Loc.cit, *Religion in Ancient History*, hal. 275.

dan jumlah mukasurat yang digunakan. Selain daripada itu, para penulis *gospel* dan *Acts* merupakan anak murid ataupun pengikut kepada St. Paul dan penulisan mereka lebih menampakkan pemikiran St. Paul. Tambahan, penulis-penulis tersebut banyak menceritakan kisah dan riwayat hidup St. Paul berbanding sejarah Jesus Christ dan para rasulnya atau *hawariyyun* yang 12 orang itu. Ini dapat dilihat dengan jelas di dalam kitab *Acts* yang ditulis sendiri oleh Luke¹⁷⁰. Sebagai contoh satu petikan daripada *Acts. 16-18*:

"Paul had decided to sail past Ephesus to avoid spending time in the province of Asia, for he was in hurry to reach Jerusalem, if possible, by the day of Pentecost. From Miletus, Paul sent to Ephesus for the elders of the church. When they arrived, he said to them: "You know how I lived the whole time I was with you, from the first day I came into the province of Asia."

Berdasarkan perbahasan tersebut, memperlihatkan bahawa isi kandungan *New Testament* lebih merupakan kitab St. Paul. Apa yang dilakukan oleh beliau ialah menisbahkannya kepada Jesus Christ supaya ianya dapat dikatakan sebagai kitab daripada Jesus Christ dan merupakan firman ataupun wahyu daripada Tuhan, walaupun tidak ada sepatahpun perkataan di dalamnya yang ditulis oleh Jesus Christ. Hal ini telah dibuktikan oleh pengkajian-pengkajian ilmiah yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak. Antaranya (sekadar memberikan beberapa contoh) boleh dilihat di dalam buku karangan Ulfat Aziz-Us-Samad *A Comparative Study of Christianity* dan juga Dr. Maurice Bucaille *La Bible, Le Coran et La Science* dan beberapa buah buku ilmiah yang menyentuh perkara tersebut.

¹⁷⁰ Untuk mengetahui dengan lebih lanjut sila rujuk keseluruhan *The New Testament (Acts.)*

Melihat kepada kepentingannya, *The New Testament* merupakan kitab rujukan yang paling utama di dalam agama Kristian. Jika *The Old Testament* dikatakan sebagai kitab yang memaparkan sejarah latar belakang bangsa Yahudi, maka *The New Testament* merupakan pentafsir kepada *The Old Testament*¹⁷¹. Hal ini amat jelas, apabila Daniel memberikan ramalan tentang kedatangan seorang *Messiah*, maka ramalan tersebut telah diinterpretasikan di dalam *The New Testament* dengan kedatangan seorang *Messiah* iaitu Jesus Christ sebagai seorang *son of man, coming with the clouds of heaven*.

Oleh kerana *The New Testament* merupakan kitab rujukan utama, maka sudah tentulah ianya memaparkan sejarah hidup dan ajaran-ajaran Jesus Christ yang menyentuh tentang doktrin-doktrin yang terdapat di dalam agama Kristian, soal akhlak dan upacara-upacara keagamaan yang berbentuk *sacrament*¹⁷².

Kajian ini mendapati bahawa selain *The Old Testament* dan *The New Testament* terdapat satu lagi sumber asas agama Kristian iaitu persidangan-persidangan yang dianjurkan oleh gereja-gereja sedunia untuk menentukan perkara-perkara yang boleh dipakai dan diamalkan di dalam agama Kristian dan menolak perkara-perkara yang sebaliknya. Terdapat dua bentuk persidangan di dalam agama Kristian iaitu *council* dan *synode*. *Council*

¹⁷¹ Khadijah Mohd. Khambali (1993), "KONSEP TRINITI MENURUT AGAMA KRISTIAN", hal. 177.

¹⁷² Perbahasan lanjut tentang upacara keagamaan yang berbentuk *sacrament*, *infra* bab 3 di bawah tajuk **Ritual-ritual Penghapusan Dosa** hal. 224-270

merupakan persidangan yang mempunyai kuasa di dalam membincangkan dan menetapkan asas-asas akidah dan syariat di dalam agama¹⁷³. Ianya dianggotai oleh para Bishop dan Abbot. Manakala *synode* pula hanya mempunyai kuasa di dalam membincangkan tatatertib di dalam agama¹⁷⁴.

Jika dilihat secara keseluruhannya, didapati bahawa persidangan berbentuk *council* inilah yang paling berautoriti sebagai sumber asas di dalam agama Kristian. Ini kerana ia mempunyai kuasa di dalam menentukan dan memilih *gospel* yang boleh dibaca dan yang sebaliknya. Manakala perkara-perkara yang berlawanan dengan kehendak dan pemikiran anggota *council* akan ditolak dan dilabel sebagai bid'ah. Begitu juga di dalam penetapan doktrin-doktrin di dalam agama Kristian perlulah selaras dengan kehendak anggota *council*. Contohnya dalam persidangan Nicea 325M telah menetapkan konsep triniti di dalam kepercayaan ketuhanan agama Kristian dan turut menetapkan Jesus Christ sebagai anak Tuhan telah dipersetujui sebagai doktrin agama kristian kerana ia selaras dengan pemikiran anggota *council* walaupun mendapat tentangan daripada penganut-penganut setia ajaran asal Jesus Christ.

¹⁷³ James Hastings (1910), *Encyclopedia of Religion and Ethics*, jilid IV, hal. 190.

¹⁷⁴ Paul Kevin Meagher, Thomas C O'Brien, Sister Consuelo Marie Ahann'e (1979), *Encyclopedia Dictionary of Religion*, jilid O/Z, hal. 3437.

E. BIBLE BARNABA

Salah satu daripada bible yang ditolak oleh pemimpin gereja dan masih terdapat hingga kini ialah Bible Barnaba. Sebagaimana yang telah diperbincangkan dahulu, bible ini merupakan salah satu bible yang telah ditolak dan dihapuskan kerana tidak mengiktiraf ketuhanan Jesus Christ malah sebaliknya bible ini menyebut bahawa Jesus Christ tidak lebih hanyalah seorang hamba Allah yang diutuskan kepada bangsa Yahudi.

Bible Barnaba ini mengambil nama sempena nama Barnaba dan dikatakan telah ditulis oleh beliau sendiri. Barnaba atau Barna-nobe¹⁷⁵ merupakan salah seorang daripada *apostle* Jesus Christ yang telah dilantik oleh beliau sendiri untuk membantunya menjalankan tugas-tugas dakwah menyebarkan agama Kristian. Barnaba juga merupakan salah seorang yang paling dipercayai oleh Jesus Christ. Namun demikian di dalam nama 12 orang yang tersebut tidak dinyatakan nama Barnaba secara jelas (kemungkinan ada muslihat di sebaliknya kerana *gospel*nya juga telah ditolak) tetapi hanya dinyatakan nama panggilan untuk beliau sahaja iaitu Simon Kanani. Para ahli akademik bersepakat bahawa Simon Kanani itulah sebenarnya Barnaba. Ini dipersetujui sendiri oleh Agus Hakim di dalam bukunya yang bertajuk *Perbandingan Agama: Pandangan Islam Mengenai Kepercayaan: Majusi-Shabiah-Yahudi-Kristen-Hindu-Buddha & Sikh*¹⁷⁶. Namun demikian, para sarjana mempertikaikan kerasulan Barnaba. Ada yang menyatakan bahawa

¹⁷⁵ Muhammad 'Ata ur-Rahim (1981), *Jesus the Prophet of Islam*, hal. 49.

¹⁷⁶ Arthur A. Jones (1982), *Illustrated Dictionary of World Religions*, hal. 113.

beliau tidak termasuk di dalam 12 orang *apostle* ataupun *hawariyyun* Jesus Christ. Beliau hanyalah merupakan salah seorang daripada rasul Jesus Christ yang 70 orang¹⁷⁷. Walau apa pun pandangan yang diberi, Barnaba tetap merupakan salah seorang daripada pengikut Jesus Christ yang paling terkehadapan di dalam membela dan mengembangkan agama Kristian. Di awal gerakan Kristian lagi beliau tidak renggang daripada Jesus Christ dan sentiasa bersama dengannya di dalam menjalankan kegiatan dakwah yang mengambil masa kira-kira tiga tahun lamanya.

Selepas daripada kematian Jesus Christ seperti mana yang diyakini oleh agama Kristian, Barnaba tetap dianggap antara pengikut yang taat dengan ajaran Jesus Christ. Semasa pemilihan calon untuk menggantikan Judas sebagai salah seorang *apostle* yang 12, nama Barnaba ataupun nama gelarannya Justus telah dicalonkan bersama-sama dengan Mathias. Namun demikian Mathias telah dipilih menggantikan tempat Judas¹⁷⁸.

Di dalam bab Pengenalan di dalam Bible Barnaba menyatakan bahawa nama Barnaba ialah Yusuf tetapi diberikan gelaran Barnaba oleh para *apostle*¹⁷⁹ yang bererti Anak Penglipurlara. Beliau berketurunan Lewi yang berasal dari Cyprus. Apabila beliau menyertai Jesus Christ, beliau telah

¹⁷⁷ *Loc.cit, Jesus the Prophet of Islam*, hal. 50.

¹⁷⁸ Lihat *The New Testament (Acts. 2: 21-26)*.

¹⁷⁹ *Apostle* merupakan gelaran yang terdapat di dalam *gospel* yang digunakan untuk dua belas orang pengikut utama Jesus Christ. Senarai nama mereka boleh dilihat di dalam *The New Testament* terutamanya di dalam *gospel* dan *Acts*.

menjual sebidang tanah yang dimilikinya untuk digunakan sepanjang kegiatan dakwah para *apostle*. Barnaba juga merupakan bapa saudara kepada Mark iaitu salah seorang daripada *apostle* Jesus Christ. Selepas kematian Jesus Christ, beliau telah mengembara sehingga ke seluruh Palestine, Damsyik, Caesaree, Philipi dan Sinai untuk mengajar *gospel*. Jenazahnya telah ditanam di sebuah kubur di Pulau Cyprus pada tahun 478M¹⁸⁰.

Bible Barnaba kemudiannya telah dimusnahkan selepas daripada Persidangan Nicea 325M. Kandungannya yang berlainan daripada *gospel-gospel* **Mark**, **Matthew**, **Luke** dan **John** telah dianggap sebagai *heresy* ataupun bid'ah. Antara perkara pokok yang dinyatakan oleh Barnaba di dalam biblenya ialah:

1. Jesus Christ bukan anak Tuhan, malahan beliau sebenarnya adalah utusan Allah dan manusia biasa¹⁸¹.
2. Anak yang dikorbankan oleh nabi Ibrahim a.s. adalah Ismail bukannya Ishak¹⁸².
3. Penjelasan tentang *al-Masih* yang sebenarnya adalah nabi Muhammad s. a. w¹⁸³.

¹⁸⁰ Rahnip M(1981), *Terjemahan Gospel Barnaba*. T.T: Penerbit Pt. Bina Ilmu, cet. ke-2, hal. IX

¹⁸¹ Lihat *Bible Barnaba* (p. 3, c.1),(p.4, c.2) & (p.9-10, c.10).

¹⁸² Lihat *Bible Barnaba* (p. 58, c.44).

¹⁸³ Lihat *Bible Barnaba* (p. 56-57, c.44).

4. Penafian tentang pensaliban Jesus Christ. Hakikatnya Allah telah menyerupakan Judas Iscariot seperti Jesus Christ menggantikan tempatnya di tiang salib¹⁸⁴.

Bible Barnaba yang dikatakan telah dimusnahkan ini berjaya diselamatkan dan telah dijumpai semula. Salinan asal yang dijumpai ini ditulis di dalam bahasa Itali. Di dalam buku *Jesus A Prophet of Islam* karangan Muhammad Ata ur-Rahim menyatakan dengan agak meluas tentang rentetan sejarah Bible Barnaba. Manuskrip Bible Barnaba di dalam bahasa Itali merupakan manuskrip yang menjadi punca kepada penyebaran bible tersebut di kalangan orang awam dan ianya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris.

Pada kira-kira penghujung abad ke-16M seorang paderi bernama Fra Marino telah berjaya menyeludup keluar salinan teks Bible Barnaba di dalam bahasa Itali dari perpustakaan kepunyaan Pope Sixtus 11 (258M). Semenjak daripada itu ianya telah berpindah milik kepada ramai orang. Akhirnya J.E Cremer, seorang ahli majlis raja Prusia telah berjaya mendapatkannya. Pada tahun 1713M, beliau menyerahkannya kepada Prince Eugence daripada Savoy. Kini Bible tersebut masih tersimpan di dalam perpustakkan Hofbibliothek di Vienna. Pada tahun 1747M, atas usaha seorang ahli sejarah yang terkenal iaitu Toland, naskhah Itali ini telah dicetak. Ianya juga telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dan naskhah bahasa Inggerisnya

¹⁸⁴ Lihat *Bible Barnaba* (p. 263-268, c. 217).

telah diterjemahkan oleh Canon dan Mrs. Ragg dan telah dicetak serta diterbitkan oleh Oxford University Press pada tahun 1907M¹⁸⁵. Naskhah yang dijumpai ini juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh Dr. Khalid Saadah¹⁸⁶.

Namun demikian terdapat kemesyikilan tentang penulisan Bible Barnaba ini. Adakah benar ianya ditulis oleh Barnaba sendiri ataupun ditulis oleh orang lain yang kemudiannya disandarkan hasil karyanya kepada Barnaba. Ini kerana naskhah asal yang ditemui hanyalah salinan di dalam bahasa Itali. Di dalam naskhah Itali ini pula terdapat sisipan yang ditulis di dalam Bahasa Arab. Terdapat suatu teori yang menyatakan bahawa Bible Barnaba naskhah Itali ini telah ditulis oleh seorang pendita Kristian yang bertujuan untuk mengambil hati pemerintah Islam pada masa itu. Ada juga yang menyatakan ianya telah disalin ke dalam bahasa Itali oleh seorang Kristian yang telah memeluk Islam. Justeru, terdapatnya sisipan di dalam Bahasa Arab mengenai nabi Muhammad s.ºa.w¹⁸⁷.

Walaupun begitu, kewujudan bible Barnaba memang diakui kerana ianya pernah disebut-sebut oleh para pendita awal Kristian atau *early Christians*. Tulisan Bishop Irenaeus (130M-202M) menyebut tentang Bible

¹⁸⁵ Muhammad Ata ur-Rahim (1981), *Jesus the Prophet of Islam*, hal. 44 dan sebagai suatu perbandingan lihat juga *The Gospel of Barnabas (edited and translated from the Italian manuscript in the Imperial Library at Vienna by Lonsdale and Laura Ragg)*, hal. belakang di bawah tajuk *Today's Gospel of Barnabas is it Authentic?*

¹⁸⁶ Ahmad Syalabi (1978), *Muqāranah al-Adyān al-Māsihiyyah*, hal. 215.

¹⁸⁷ Joesoef Sou'yb (1983), *Agama-agama Besar di Dunia*, hal. 387.

Barnaba di dalam beberapa bahagian karangannya yang berjudul *Adverse Haereses*. Begitu juga pada tahun 492M, Pope Glasius mengumumkan bahawa salah satu bahan bacaan yang dilarang ialah bible Barnaba¹⁸⁸. Oleh itu, memanglah diakui bahawa bible tersebut pernah wujud, tetapi bukanlah di dalam bahasa Itali. Kemungkinan bahasa yang digunakan pada masa itu ialah Ibrani, Aramaic ataupun Greek¹⁸⁹. Ini kerana penggunaan ketiga-tiga bahasa tersebut pada masa awal Kristian adalah begitu meluas sekali. Hal ini dapat dilihat kepada bahasa asal yang digunakan untuk menulis kitab-kitab *gospel* yang diakui dan terdapat dalam *The New Testament* lebih banyak menggunakan bahasa Greek.

E. KESIMPULAN

Agama Kristian merupakan sebuah agama yang telah diberi wajah baru dengan pengisian yang serba baru. Identiti asal agama ini telah jauh berubah daripada ajaran asal Jesus Christ. Apa yang menarik untuk dilihat ialah kebanyakan cerita mengenai Jesus Christ dan doktrin-doktrin yang terdapat di dalam agama Kristian adalah hasil adaptasi daripada peristiwa-peristiwa dan kepercayaan-kepercayaan yang terdapat di dalam agama Pagan yang begitu mempengaruhi kehidupan orang bukan Yahudi mahupun orang Yahudi. Justeru, agama Kristian telah berjaya disebarluaskan dan diterima dengan meluas oleh orang bukan Yahudi.

¹⁸⁸ *Ibid*, hal. 385.

¹⁸⁹ *Ibid*

Kepincangan-kepincangan yang terdapat di dalam agama Kristian berjaya ditutup daripada diperbahaskan secara umum apabila para paderi meletakkan pelbagai peraturan dan undang-undang yang menghalang ianya daripada dilakukan sedemikian. Ini secara tidak langsung telah meletakkan agama Kristian sebagai agama yang boleh diterima pakai oleh orang ramai yang bukan berbangsa Yahudi ataupun non-Bani Israel. Apatah lagi usaha-usaha yang dilakukan oleh St. Paul dengan memperkenalkan reformasi ke dalam doktrin agama Kristian telah meletakkan agama ini sebagai agama sejagat ataupun universal. Ini sekaligus memberi sinar baru kepada agama Kristian untuk terus berkembang sekalipun mengalami period penindasan yang kejam oleh orang-orang Yahudi. Walaupun begitu, pastilah usaha yang dilakukan oleh St. Paul ini ada objektif yang tertentu kerana beliau tidak menerima pengajaran Jesus Christ dan golongan *hawariyyun* sebaliknya membina asas baru kepada agama Kristian sehingga menjadi agama Kristian kini dengan identiti yang baru dan jauh berbeza daripada ajaran asal Jesus Christ. St. Paul telah berjaya merubah dan menghapuskan identiti ajaran Jesus Christ sepertimana yang pernah beliau lakukan dengan memburu dan membunuh orang-orang Kristian sebelum pemelukannya ke dalam agama Kristian. Hanya metod yang digunakanya agak berbeza. Namun apabila diteliti secara tuntas, tujuannya adalah sama.

Walau apapun yang berlaku, agama Kristian kini telah berkembang sebagai sebuah agama yang terbuka kepada orang ramai. Tidak lagi terhad kepada bangsa Yahudi. Agama Kristian kini turut meletakkan *The Old*

Testament dan *New Testament* sebagai asas rujukan ajaran-ajaran agama. Namun, tentu saja *The New Testament* lebih dominan sebagai asas rujukan yang kukuh. Walaupun begitu, *The Old Testament* tetap menjadi rujukan khususnya yang berkaitan dengan doktrin-doktrin yang diasaskan oleh St. Paul. St. Paul bijak memanfaatkan segala sumber asas agama Kristian untuk meletakkan agama ini sebagai agama universal.